# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 38 | RABU 23HB SEPTEMBER, 1981. | 1401 رابو 24 ذوالقعدة | PERCHUMA


# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT KA-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada hari Rabu 17hb lepas telah berangkat ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-bagai meneruskan siri keberangkatan Baginda ka-jabatan2 kerajaan di-negeri ini.

Turut berangkat dalam lawatan tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

### DI-ALU2KAN

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-jabatan tersebut telah di-alu2kan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Mohd. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mana kemudian-nya memperkenalkan Pegawai2 Kanan jabatan tersebut kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Baginda Sultan dan rombongan menerima penerangan2 berhubong dengan perjalanan dan perkembangan jabatan tersebut dalam majlis taklimat yang di-sembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bertempat di-Bilek Persidangan Majlis Ugama Islam.

### LEBEH DEKAT

Kemudian Baginda dan rombongan berpeluang menyaksikan sa-chara lebeh dekat tentang perjalanan pentadbiran dan tugas2 sa-harian pegawai2 dan kakitangan jabatan tersebut apabila Baginda di-junjong berangkat kabeberapa bahagian jabatan itu sambil beramah mesra dengan pegawai2 dan kakitangan di-sana.

(Gambar2 semasa keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-Jabatan tersebut di-siarkan di-muka tengah).



Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama memperkenalkan pegawai2 kanan jabatan-nya kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejurus keberangkatan Baginda ka-jabatan tersebut.

# Mashuarat khas J-kuasa Tanda Kenang2an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu mashuarat khas telah di-adakan di-Bilek Persidangan, Jabatan Muzium, Brunei pada hari Sabtu yang lalu di-antara ahli2 Jawatankuasa Tanda Kenang2an Sempena Kemerdekaan Brunei Tahun 1983 dengan Pegawai2 kanan dari The Times Printers, Singapura. Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pg. Ghani.

Mashuarat tersebut di-adakan bagi membinchangkan sa-chara lanjut mengenai bentok dan isi kandongan buku bertajok "Brunei: Kelahiran Sabuah Negara" yang akan di-terbitkan dalam dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris bersempena dengan kemerdekaan Brunei dalam tahun 1983 nanti.

The Times Printers, Singapura telah pun di-perkenankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok menerbitkan buku berkenaan dalam mana seluroh bentok dan isi kandongan buku tersebut akan di-teliti sa-chara penoh dan halus oleh Jawatankuasa Tanda Kenang2an Sempena Kemerdekaan Brunei Tahun 1983 sa-belum ia-nya diterbitkan.

## Manis-nya Iman

"ASSALAM itu ia-lah salah satu daripada nama Allah, maka sebarkan-lah ia di-antara kamu" — HADITH Nabi daripada Abdullah bin Mas'ud (Durratun Nasehin).

## Angka tunjok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna untok bulan Ogos, 1981 telah meningkat sa-banyak 2.4 mata (1.9 peratus) bila di-bandingkan dengan bulan Julai 1981 lalu.

Kenaikan yang tinggi yang nyata dalam angka tunjok bulan ini ada-lah di-sebabkan oleh perayaan2. Angka tunjok bulan ini juga ada-lah 12.3 mata (10.3 peratus) lebeh tinggi jika di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Ogos 1980.

Sa-bagaimana yang di-fahamkan kenaikan angka tunjok bulan ini ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan angka2 tunjok 'makanan' (3.9 peratus). Angka tunjok bagi lain2 kumpolan ada-lah maseh tidak berubah.

Barang2 yang menyebabkan naik-nya angka tunjok bulan ini ia-lah tepong jagong, kek buah2an, berbagai2 jenis ikan, minyak sapi, berbagai jenis buah2an tempatan saperti pisang-mas, nenas dan limau manis. Orange juice dan berbagai jenis sayor2an saperti kubis puteh china, bayam, timun, kachang panjang, kachang bendir, terong, halia, bawang besar dan bawang merah juga menyebabkan kenaikan ini.

# D.Y.M.M. Sultan Johor berangkat melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sultan Johor, DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Mahmud Iskandar Shah minggu lalu telah mengadakan lawatan tidak rasmi sa-lama dua hari ka-negeri ini.

Turut mengiringi Baginda ia-lah DYAM Tengku Mahkota Johor Tengku Ibrahim, Ketua Angkatan Udara Diraja Malaysia, Jeneral Datuk Mohammad Taib serta dua belas orang pemain polo.

Ketika berada di-sini, Baginda Seri Paduka, Tengku Mahkota Johor dan Ketua AUDM telah sempat mengadap kahadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, di-Istana Darul Hana. Antara yang berangkat dimajlis itu ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah.

### MAJLIS SANTAP

Di-samping Istiadat mengadap, rombongan Diraja juga telah di-raikan dalam satu majlis santap, sa-telah mengadakan perlawanan polo persahabatan, bertempat di-Jerudong Park.

Keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada hari Selasa lepas telah di-alu2kan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal, YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Pmk. Menteri Besar, YB Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Pemerentah Pasokan AMDB serta wakil peribadi Pesurohjaya Tinggi British di-sini.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bersalaman dengan D.Y.M.M. Sultan Johor ketika D.Y.M.M. Sultan Johor itu mengadap Baginda Yang Dipertuan di-Istana Darul Hana (atas), sementara gambar kanan kelihatan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Sultan Johor.

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

23HB SEPTEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEBERANGKATAN BAGINDA KA-MUKIM SABA

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-Mukim Saba tidak shak lagi telah mengembangkan lagi rasa kaseh dan ta'at setia pendudok2 kampong di-sekitar mukim itu terhadap Baginda. Dalam hubongan ini, yang jelas ia-lah hubongan Baginda selaku Pemerentah Tertinggi di-negeri ini dengan raayat jelata yang Baginda kasehi ada-lah semakin erat ibarat isi dengan kuku. Bila perasaan yang demikian ini sa-isi, ada-lah tidak di-ragukan yang kesejahteraan akan tetap terpelihara, apa lagi dengan sifat yang telah sedia ada iaitu "senantiasa bakanang" pada yang mensejahterakan itu maseh kuat terpelihara di-antara raayat dan pendudok negeri ini.

Dari kemesraan yang di-bayangkan dari ukiran senyum yang senantiasa membungai wajah Baginda dalam keberangkatan ka-Mukim itu ada-lah menunjokkan betapa Baginda benar2 menyayangi raayat jelata dan menginginkan agar kesejateraan mereka tidak tergugat, malah senantiasa girang dan sejahtera.

Tidak saja berbagai perkembangan disekitar Mukim itu dapat di-perhatikan Baginda, malah yang penting ia-lah langkah Baginda membukakan peluang kapada raayat dan pendudok di-sana untok menyembahkan masaalah2 yang di-hadapi oleh mereka. Baginda sendiri ingin mengetahui dengan sa-chara terus-terang dan di-churahkan dengan ikhlas dan sa-jujor2-nya masaalah2 yang mereka hadapi itu. Mana2 yang patut di-atasi, maka langkah2 akan diambil menurut keutamaan.

Dari langkah Baginda ini, maka sudah chukop jelas-lah betapa Baginda dan Kerajaan Baginda benar2 menggalakkan dan mengutamakan supaya sa-tiap masaalah yang dialami itu biar-lah di-kemukakan pada tempat2 yang betul supaya faedah2 mengatasi-nya dapat berjalan lanchar. Tetapi sebalek-nya, jika masaalah2 itu hanya di-biarkan sa-bagai sungutan, rungutan, buang2 chakap sa-larah2-nya, maka faedah tidak akan di-perolehi, malah mungkin memburokkan keadaan.

Baginda juga mengorniakan chontoh yang memang wajar di-jadikan pegangan atau panduan kapada pehak2 yang berkenaan supaya melayan dengan sebaik mungkin terhadap siapa jua yang berhajat mengemukakan masaalah2 yang di-hadapi mereka dengan harapan untok di-atasi itu.

Di-sini membayangkan betapa utama-nya tugas dan tanggong-jawab untok kesejahteraan raayat dan pendudok negeri yang Baginda kasehi ini. Pada masaalah2 yang di-hadapkan dan di-dapati sesuai dan patut di-laksanakan segera, Baginda menggemari supaya kesegeraan itu hendak-lah di-jadikan amalan berkhidmat. Melalaikan sa-suatu yang tidak patut dilalaikan hanya akan menimbulkan kerugian.

Pada keselurohan-nya, keberangkatan Baginda itu ada-lah merupakan penggerak, penyedar, pembangun yang telah dapat menimbulkan semangat baru kapada semua pehak dan golongan terutama yang di-amanahkan dengan tanggong-jawab2 yang tertentu.

# Usaha2 Jabatan Pelajaran kembalikan keaslian permainan hadhrah

**BERIKUT ia-lah uchapan penoh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, ketika merasmikan Peraduan Hadhrah bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Seluroh Negeri, di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara pada hari Ahad, 13hb September, 1981.**

SAYA terlebeh dahulu sukachita mengucapkan terima kaseh di-atas penghormatan pehak penganjor ia-itu Jabatan Pelajaran bagi saya beruchap merasmikan peraduan ini, ia-itu peraduan yang saya di-fahamkan telah di-jadikan sa-bahagian projek tahunan jabatan berkenaan.

Sesunggoh-nya permainan hadhrah yang menjadi satu chabang kesenian kita hampir saja pupus di-telan zaman seandai-nya langkah2 menyelamatkan-nya telah tidak di-ambil beberapa tahun dahulu. Saya katakan ia hampir pupus ia-lah kerana sa-bahagian besar fungsi-nya sa-bagai penyeri majlis2 yang diadakan oleh orang2 kita saperti majlis2 perkahwinan telah di-gantikan oleh petekan gitar ranchak serta laongan suara lagu2 pop. Atau pun jika pukolan hadhrah itu maseh kedengaran di-majlis2 perkahwinan tetapi bunyi irama serta suara2 yang mengiringkan-nya dengan lagu tidak lagi irama dan lagu2 hadhrah sa-bagaimana yang kita terima selaku chabang kesenian itu. Maka itu-lah, pada beberapa tahun yang lalu itu permainan hadhrah saperti yang sepatut-nya dalam chorak persembahan-nya yang bersifat tradisional benar2 hampir pupus kalau-lah langkah menyelamatkannya tidak segera di-ambil.

### TRADISIONAL

Sa-takat yang di-maalomi, melalui usaha2 Jabatan Pelajaran dalam beberapa tahun kebelakangan permainan hadhrah telah kembali kapada choraknya yang asli serta menempati fungsi-nya yang tradisional. Di-samping itu achara2 keramaian yang munasabah juga telah memberi tempat kapadanya. Maka dengan itu kita melihat satu kejayaan besar manakala waktu ini kekhuatiran kapada penchemaran irama dan lagu2 hadhrah telah dapat diatasi dengan berbagai2 chara saperti mengatorkan kumpolan2 bagi mempelajari-nya dan menganjorkan pertandingan2 bagi mem'promote'kan-nya dalam chorak pukolan serta lagu2-nya yang asli dan tradisional itu.

Sebenar-nya, kejayaan serupa telah juga di-chapai dalam menghidupkan semula kepandaian berdikir yang mana pada waktu ini kepandaian berdikir itu sudah di-turunkan kapada ramai anak2 muda kita sa-hingga kesan-nya chukop ketara sabagai menandakan betapa kita orang2 Brunei sangat mudah kembali kapada unsur2 dan sifat2 tradis. bangsa sekali pun dizaman yang 'menyenakkan sawang telinga' dan 'memeningkan mata' saperti zaman kita sekarang.

Tetapi hal itu tentu tidak mungkin seandai-nya orang2 kita bersikap 'tak apa' terhadap perkembangan2 terbaharu yang boleh memupuskan atau menchemarkan unsur2 tradisi kita yang bernilai murni. Permainan hadhrah dan kepandaian berdikir boleh saja di-pupuskan atau di-chemari dari segi chorak dan fungsinya oleh permainan gitar ranchak atau dengan orang2 kita bersikap terlalu 'simple' memudah2kan majlis tradisi sa-chara sembarangan. Apa yang ternyata, meski pun pengaroh2 yang menchemari dan memupuskan itu hampir 'dominan' tetapi dengan ada-nya usaha yang sunggoh2 dan tepat oleh pehak2 berkenaan menghidupkan unsur2 tradisi yang bernilai tinggi saperti permainan hadhrah ini maka meyakinkan kita untok mengambil kesimpulan bahawa masharakat kita, bukan-lah masharakat yang mudah sudi menyerah kalah mengorbankan kemurnian nilai2 bangsa sa-mata2 kerana ada pengaroh dan unsur yang dikatakan bersifat 'dominan' terhadap kehidupan kita yang semakin moden dan sophisticated sekarang ini.

### UNSUR PENTING

Begitu-lah yang sepatutnya sikap yang akan terus menerus di-kembangkan untok menjadi unsur terpenting sikap kita sa-bagai suatu bangsa yang merdeka. Sikap tidak sudi menyerah kalah itu sebenarnya ia-lah sikap datok nenek kita di-Brunei dalam menerima orang2 luar — dari jauh dan dekat — ka-negeri ini, dan mendapat pengaroh asing pada zaman dahulu. Tanpa sikap patriotik mereka di-zaman itu tentu saja chorak dan wajah tanah ayer kita ini beserta isi di-dalam-nya tidak seindah chorak dan semanis wajah anak chuchu-nya ia-itu kita sekarang ini.

Sebenar-nya, sunggoh pun kita sedia mempunyai sikap tidak mudah dan tidak sudi menyerah kalah mengorbankan kemurnian nilai2 bangsa, tetapi sikap tersebut perlu-lah di-asoh dan di-pupok sebaik2-nya menurut chara2 yang berpatutan. Saya tidak fikir, asohan itu memadai dibuat di-sekolah sahaja. Saperti itu juga saya tidak yakin ia-nya akan berhasil dengan baik apabila dibuat di-rumah semata2. Atau, sekali pun kedua2-nya itu, ia-itu sekolah dan rumah mengambil peranan-nya masing2 memupok asohan menchintai kemurnian nilai2 bangsa, ia-nya tidak akan bekesan baik tanpa penyertaan lain2 sektor dalam berbagai2 institusi saperti mass media dan pertubohan2 sosial. Apa yang kita kehendaki ia-lah keseragaman dalam chita2 terhadap kepentingan2 kebangsaan yang akan membentok hala atau 'trend' berfikir dan bertindak yang tidak sumbang dan tidak pula songsang. Sebab ada-lah merugikan negara jika kita di-katakan menyedari kepentingan2 kebangsaan sedang dalam masa yang sama kita juga bersikap mengambil haluan sendiri2 dan 'memacholkan puchok' masing2.

### KEPENTINGAN

Dalam bidang kesenian di-mana kepentingan kebangsaan sentiasa terlibat maka sa-tiap usaha yang di-buat hendak-lah dipadankan dengan kepentingan kebangsaan yang sabenar. Sebab tanpa pemadanan itu masing2 orang dan pehak boleh saja mengeksploitasikan sa-tiap keadaan dengan bertopengkan kesenian pada hal di-dalam-nya terdapat unsur2 yang berlawanan dengan kepentingan kita dari segi ugama, moral dan seumpama-nya.

Tegas-nya, perlu-lah kita terutama sekali pehak2 berwajib yang terlibat dalam kegiatan menghidupkan kesenian bangsa tidak di-kelirukan oleh kehendak2 dalam kebanyakan bidang seni pada waktu sekarang yang selarah2-nya mahu melayani dan meladani selera umom sahingga melemahkan daya kreatif seni yang bernilai tinggi. Salah-nya ia-lah berpuncha dari salah memaham dan mentafsirkan selera umum sa-bagai dikatakan mahu yang serba baharu. Betul, mereka mahu sedemikian tetapi tidak bererti kesenian kita tidak boleh di-kemukakan dalam chorak-nya yang tradisional dan tidak juga bererti yang mereka menolak kesenian tradisional itu jika ia di-kemukakan dalam chorak persembahan yang sunggoh2 dengan penggubahan dan penchiptaan-nya di-lakukan sachara yang sunggoh2. Hal itu-lah pada perengkat ini kita maseh menunggu.




**PASOKAN yang sedang memukol rabana-nya ini ia-lah pasokan hadhrah MMPSBS/Sekolah Sains. Pasokan ini mendapat tempat ketiga dalam peraduan itu.**




# PROMEGA JAYA AKAN BEKERJASAMA DENGAN B. S. P.

(Liputan : C. M. Yusuf)



Awang Mohd Salleh Samad

SERIA. — Awang Mohd Salleh Samad, salah sa-orang Pengarah Promega Jaya menegaskan ba-hawa pehak-nya akan sentiasa memberikan kerjasama kapada Sharikat Minyak Shell Brunei dalam melaksanakan kerja2 yang akan di-beri-kan kapada-nya. Kerana, maju dan untong-nya Brunei Shell bermakna satu keuntongan besar ekonomi bagi negeri ini.

Penegasan tersebut te-lah di-suarakan beliau da-lam uchapan-nya di-majlis pelancharan rasmi Prome-ga Jaya, sa-buah sharikat usaha-sama yang terdiri dari: Prompet dan Inter-Mega (dua buah sharikat terbesar di-Singapura) de-ngan Tenaga Jaya (sa-buah sharikat bumiputera Brunei), yang telah di-langsongkan di-Dewan SRC sini malam Rabu lepas.

Kata-nya, "Saya berha-rap pehak Sharikat Mi-nyak Shell Brunei tidak akan teragak2 pada mem-berikan keperchayaan ka-pada kami dalam segala lapangan kerja2 yang ba-kal di-usahakan dan tidak akan menganggap kesung-gohan kami itu sa-bagai rendah nilai-nya."

MENJUNJONG HASRAT

Terdahulu dari itu, da-lam uchapan alu2an-nya, Awang Mohd Salleh men-junjong tinggi akan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Lembaga Kemajuan Eko-nomi dan Yunit Peran-chang Ekonomi, yang te-lah memberikan sokongan serta nasehat2 yang ber-guna ka-arah memperleng-kapkan perusahaan dan perdaganagn bumiputera di-negeri ini supaya mam-pu, terdaya dan berkema-juan saperti mana yang orang2 lain boleh buat.

"Sa-bagai raayat (bumi-putera) yang ta'at setia yang tidak berbelah ba-hagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan bertanggong-ja-wab kapada negara, kita harus-lah menyedari haki-kat negara serta mena-namkan semangat bekerja-sama dengan Kerajaan pa-da menjayakan matalamat Negeri Brunei Darussa-lam," jelas-nya.

Tambahan lagi, jelas be-liau, Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. sentiasa meng-ambil berat serta mem-bantu dalam segala usaha raayat yang benar2 men-datangkan kebajikan dan kebaikan negara melalui jabatan2 Kerajaan. Dan beliau menyatakan terima kaseh serta penghargaan-nya kapada jabatan2 ber-kenaan, pehak Promet dan Inter-Mega dan kapada pehak Sharikat Minyak Shell Brunei.

Turut di-undang di-majlis pelancharan rasmi Promega Jaya itu ia-lah: Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss ibni Al-marhum Pengiran Te-menggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Muham-mad, Pemangku Pengarah Perjawatan Brunei, Awg Selamat Munap, Pemang-ku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awg Haji Kassim bin Haji Md Daud, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awg Kas-sim Haji Johan, Pengarah Promet, Awg Brian Chang, Pengarah Inter-Mega Sin-gapura, Awg F. K. Ho, Awg Ken Prior, Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei, ahli2 pernia-gaan dan orang2 perse-orangan.

SA-BAHAGIAN dari para jemputan yang hadhir di-majlis pelancharan rasmi PROMEGA JAYA, yang telah di-adakan di-Dewan Kelab Ria Shell (SRC) malam Rabu lalu. Sele-sai saja uchapan2 dan pe-rasmian sharikat tersebut, do'a selamat pun di-bachakan oleh Pengiran Haji Abas bin Pg Haji Mohd Salleh.

Dalam gambar (enam dari kanan) kelihatan Pe-gawai Daerah Belait, Pen-giran Idriss ibni Al-mar-hum Pengiran Temeng-gong Sahibol Bahar Pen-giran Haji Muhammad.





SA-TELAH tirai di-buka, rasmi-lah sudah pelancharan sharikat PROMEGA JAYA, shari-kat usaha-sama bumiputera dengan dua buah sharikat terbesar di-Singapura. Majlis pe-rasmian yang bersejarah ini telah di-lakukan oleh Pemangku Pengarah Perjawatan, Awang Selamat Munap, di-Dewan SRC, Rabu lepas, saperti kelihatan dalam gambar.

# Peluang2 Pekerjaan di-Industri Minyak

SERIA.— Pengarah Kaki-tangan, Sharikat Minyak Shell Brunei, Awang Ken Prior memberitahu ba-hawa amat-lah mengga-lakkan peniaga2 tempatan mengenali peluang2 per-niagaan di-Industri Mi-nyak dan kegiatan2 itu boleh di-dapati oleh golo-ngan peniaga2 di-Negeri Brunei ini.

Dan usaha-sama di-an-tara peniaga tempatan de-ngan sharikat luar yang berpengalaman luas di-bidang kejuruteraan, per-khidmatan dan pengeluar-an, ada-lah jalan yang praktik untok memper-olehi pengalaman dan me-nimbulkan kemahiran di-kalangan yang ada di-Brunei.

Beruchap di-majlis pe-lancharan Promega Jaya di-Dewan SRC malam Rabu lalu, Awang Ken Prior berkata, "Kami me-ngakui usaha kami pada mengambil bekerja orang2 Brunei di-Brunei Shell, ada-lah akan mengambil masa, untok mengadakan orang2 Brunei yang memi-leki kemahiran sa-demi-kian, akan tetapi peluang2 perniagaan yang ada seka-rang saperti usaha-sama dengan sharikat luar yang



Awang Ken Prior

sudah ada dengan kema-hiran itu, ada-lah satu langkah ka-depan yang praktik."

MENGGALAKKAN

Beliau meminta kapada Promega Jaya akan meng-galakkan orang2 muda Brunei, terutama yang maseh berada di-bangku sekolah supaya memikir-kan dan menimbang de-ngan hati2 terhadap pe-luang2 bekerja dengan In-dustri Minyak dalam jang-ka masa yang panjang di-Brunei, dan pada menge-nali bidang2 yang luas dan ujud, samada sa-chara langsong di-Brunei Shell atau dalam kerja2 pem-benaan.

Keperluan2 ada-lah je-las untok menggalakkan orang2 muda pada meya-kinkan dari apa yang me-reka pelajari — mata-pela-jaran Scientific dan Ma-thematic dan, kita, atas tanggong-jawab kita, perlu menggalakkan, mengasoh dan mengembangkan ke-gemaran mereka dalam la-pangan teknikal, jelas-nya.

PENASEHAT

Menurut Awang Ken Prior, peristewa penting dalam minggu ini ia-lah kedatangan Awang Cray, Penasehat kapada penia-ga2 tempatan. Beliau akan memberi nasehat dalam berbagai aspek perniagaan termasok-lah tawaran, pemborong, masaalah ke-wangan, perhubongan ker-ja2 BSP dan lain2. Dan ada-lah di-harapkan ka-pada peniaga2 tempatan akan bekerjasama dalam perkara ini.

Awang Cray telah me-mulakan tugas-nya pada 21hb September lalu di-BSP dan untok memu-dahkan perhubongan, ada-lah di-chadangkan supaya beliau juga mempunyai pejabat di-Bandar Seri Begawan.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# GERAKAN MENGHAPUSKAN ISLAM (V)

## Siri ke-97

### Tujuan Sekularism dan Komunism

PADA siri2 yang lalu telah di-terangkan sa-chara sa-pintas lalu mengenai dengan kegiatan musoh2 Islam untok menghapuskan ugama Islam itu di-muka bumi ini, saperti gerakan yang di-lakukan oleh puak Yahudi, puak Qadiani, orang2 keristian dan missionary. Pada kali ini kita akan tinjau pula apa-kah itu Sekularism dan Komunism dan bagaimana-kah peranan2 kedua2-nya ini untok menghapuskan Islam. Mengenai dengan sekularism atau dalam bahasa Arab-nya di-sebut Ilmaniah dapat-lah kita berikan keterangan-nya saperti berikut:—

1. Lafadz perkataan Ilmaniah atau mazhab berpengetahuan itu ada-lah suatu lafadz yang mengelirukan dan menipu orang Islam sendiri yang bertujuan melindongkan maksud-nya yang asal ia-itu tiada berugama (sekularism) demikian menurut nas-nya dalam bahasa Inggeris.

2. Tipu helah yang saya katakan dalam lafadz Ilmaniah itu bahawa lafadz itu sa-olah2 menghasratkan ada hubongan-nya dengan ilmu pengetahuan, pada hal hakikat lafadz itu sa-benar-nya menunjokkan tiada ada hubongan-nya dengan ilmu pengetahuan sama sekali.

3. Lafadz Ilmaniah itu terbit dan datang-nya dari Eropah ia-itu, natijah dari pergadohan dan perbalahan di-antara pemerentah dan orang2 gereja di-satu pehak, dan perbalahan di-antara cherdek pandai mereka dengan orang2 gereja di-satu pehak yang lain.

4. Bila perbalahan dan pergadohan di antara pemerentah dan cherdek pandai dengan gereja dan padri2-nya itu terhenti maka timbol-lah suatu mazhab atau pendapat untok memisahkan pemerentahan dari ugama Keristian dengan tujuan supaya ugama keristian itu tetap mempengarohi kehidupan orang ramai keristian di-Eropah.

5. Semangat sekularism yang menggugat ugama keristian itu tidak-lah saharus-nya pula akan menggugat ugama Islam, kerana ugama Islam sa-benar-nya tidak berlawanan dengan kerajaan atau pemerentahan, dan ugama Islam juga tidak sama sekali berlawanan dengan kemajuan ilmu pengetahuan.

6. Kalau kita perhatikan dengan baik, Sekularism atau Ilmaniah itu telah di-pergunakan bagi melindongi tafsiran manusia yang salah terhadap pusingan alam, kejadian alam dan kehidupan manusia itu sendiri, juga kesan2 kejadian alam yang membawa kapada perubahan suasana hidup dan masharakat. Chontoh yang jelas dalam hal ini ia-lah saperti apa yang telah di-buat oleh Marks dan lain2 mazhab.

7. Segala chorak yang berupa kebendaan dalam kebudayaan dan tamaddun barat itu telah mengambil kesempatan supaya semangat Ilmaniah (sekularism) itu di-semaikan dalam jiwa dan fikiran manusia agar manusia menyangka bahawa ilmaniah itu-lah sahaja satu2-nya jalan, bagi mendapat kekuatan dan kedaulatan.

### Perbuatan Merosakkan Alam Islam

Di-antara bermacham2 masaalah dan perbuatan yang merosakkan alam Islam berpuncha dari benchana mazhab ilmaniah itu ada-lah saperti berikut:

a. Timbul-nya sekolah2 dan universiti yang memberatkan mata2 pelajaran sekular tetapi kosong dari semangat Islam, institiut sa-umpama ini banyak bertaburan dalam kebanyakkan negeri Islam. Sudah tentu perkara ini amat berbahaya kapada anak2 Islam kerana mereka itu ramai yang menuntut di-institiut2 tersebut.

b. Banyak di-dapati perlembagaan atau undang2 dalam menyingkirkan fikiran dan semangat Islam. Hal ini memang di-sengajakan supaya semangat Islam tidak bertapak dengan kukoh dan kuat melalui perlembagaan dan undang2 Islam itu dalam sa-sebuah negara.

c. Ilmaniah mengamalkan simbol ini: "Ugama Bagi Allah, dan tanah tumpah darah bagi semua orang," dengan tujuan hendak menjauhkan suasana dan semangat ugama Islam dari hidup subor dan memberi pengaroh pada kehidupan orang ramai seluroh-nya. Simbol ini perlu-lah di-hapuskan.

Oleh yang demikian Kongres ini mengambil keputusan:

a. Oleh kerana ugama Islam itu ada-lah ugama dan kerajaan, amal dan ibadat, bahkan ugama Islam itu ada-lah ugama yang membentok kehidupan manusia Muslim itu sendiri zahir dan batin-nya maka dari itu Islam menolak fikiran dan pendapat ilmaniah atau sekularism yang berusaha hendak menjauhkan ugama dari berpengaroh di-dalam kehidupan umat Islam.

b. Menuntut kerajaan2 Islam supaya menjadikan Shari'at Islam dan hukum2-nya sa-bagai satu2-nya sumber bagi membuat perlembagaan dan undang2 negeri.

c. Mempastikan sa-tiap institiut pelajaran dan sekolah2 yang berchorak ilmaniah dalam negeri Islam itu memasokkan pelajaran akidah Islam dalam sukatan pelajaran-nya, supaya anak2 Islam yang menuntut di-sekolah2 itu tidak mudah di-hanyutkan oleh kemajuan kebendaan atau komunism.

### Langkah Mengatasi Kerosakan

Ada pun Komunism atau dalam bahasa Arab di-sebut Shuyu'iah ada-lah suatu mazhab atau suatu fikiran ilhad (menyeleweng), tiada mengenal akan ada-nya ugama, ingkar akan ujud-nya Tuhan, mereka memandang manusia, masharakat, dan kejadian alam ini dari sudut pandangan falsafah kebendaan. Pada umom-nya Komunism itu menolak apa jua ajaran ugama, khusus-nya memusohi ugama Islam. Oleh kerana besar bahaya dan benchana komunism itu kapada manusia dan kapada umat Islam khusus-nya maka Kongres mengambil keputusan:

a. Hendak-lah sentiasa mengambil berat dan berusaha untok memelihara faedah2 dan muslihat2 umat Islam yang berada di-bawah chengkaman2 kuku besi komunism disamping itu mengkaji chara2 dan jalan2 yang di-buat oleh komunism yang chuba hendak menghanchorkan akidah keperchayaan dan peribadi umat Islam yang berada dalam chengkaman-nya itu.

b. Mendedahkan gerakan dan usaha sulit komunism di-kawasan2 dan tempat2 orang Islam, juga mendedahkan kandongan ajaran komunism dan perengkat2-nya yang hendak mereka sebarkan itu.

c. Mengkaji sebab mengapa anak2 muda Islam tertarek kapada fikiran baharu sa-umpama komunism itu, dan mengkaji sebab mengapa sa-tengah2 kumpolan daripada umat Islam tiada mengambil berat akan bahaya ajaran komunism itu, bahkan ada pula yang menyokong perbuatan huru hara berpuncha dari hasutan komunism.

d. Membuat suatu kajian penoh tentang keadaan sosial yang berlaku dalam negeri2 Islam yang telah menjadi korban disebabkan ujud-nya fikiran2 komunism yang merosakkan itu.

e. Mendesak kerajaan2 Arab dan kerajaan2 Islam bertindak tegas pada menahan gerakan kemaraan faham Marks yang menentang Islam di-selatan Tanah Arab dan lain2 dari negeri Islam.

f. Menegah filem2, majallah2, dan kitab2 komunis dari di-seludupkan ka-dalam negeri2 Islam.

g. Mengeluarkan kitab2 berchorak Islam yang mengulas fahaman Marks dari segi pandangan Islam.

h. Meminta kerajaan2 Islam menolak orang2 Komunis dan jangan melayan atau bermuamalah atau menjadikan mereka sa-bagai pelanggan2 dalam perniagaan.

### Menyebarkan Keputusan2

Rabitah Alam Islam telah mengadakan beberapa kongres dan perjumpaan dalam perkara mazhab2 aliran2 fikiran dan gerakan2 yang menjahanamkan ugama Islam dan umat Islam, dan menchari jalan bagaimana chara menentang-nya. Kongres2 dan perjumpaan2 itu telah membuat beberapa keputusan yang menolong Rabitah dalam kerja2-nya seterus-nya Rabitah telah menyebarkan keputusan2 itu ka-seluroh dunia Islam untok di-ambil perhatian dan tindakan.

Berikut-nya itu Rabitah Alam Islam telah menerangkan hukum shara' mengenai ajaran sesat, fahaman salah serta bertentangan dengan Islam itu. Salah satu dari chontoh-nya ia-lah fatwa yang di-keluarkan oleh Majlis Pengasas Rabitah bahawa Qadiani itu telah keluar dari ugama Islam.

Demikian-lah telah kita terangkan dengan panjang lebar akan kegiatan musoh2 Islam untok memusnahkan atau sekurang2-nya melemahkan kedudokan ugama Islam dan penganut2-nya. Bagaimana pun kegiatan tersebut telah pun mula di-sedari oleh sa-tengah2 badan atau pertubohan Islam saperti pertubohan Rabitah Alam Islam ini yang berpusat di-Mekah Al-Mukaramah dan lain2 pertubohan Islam di-Mesir, India, Pakistan dan di-mana2 juga dunia Islam. Apa yang kita tuliskan ini ada-lah supaya menjadi ingatan kita bahawa Islam mempunyai banyak musoh yang mahu merosakkan akidah dan keimanan kita yang luhor. Moga2 dengan ingatan ini kita tidak akan mudah terperangkap dengan musoh2 Islam itu.

*WALLAHU A'ALAM*

# LUPAKAN ALLAH: PUNCHA SEGALA MAKSIAT

TELAH di-cheritakan oleh As-Sheikh Al-Imam Abin-Nasir As-Samar Kamadie kata-nya: "Ada-lah Al-Hassan Al-Basri pada awal2 keadaan-nya sa-orang pemuda yang kachak dan suka melawa dengan pekaian2 yang chantek. Dia selalu merayau2 di-sekitar Kota Basrah sambil menchuchi mata. Pada suatu hari ketika dia sedang berjalan2 itu tiba2 dia terpandang sa-orang perempuan yang sangat rupawan dan mempunyai bentok badan yang amat menarek. Lalu dia mengekori perempuan itu dari belakang. Menyedari hal itu maka perempuan itu pun menoleh kapada-nya sambil berkata: "Tidak-kah anda malu?" Jawab Al-Hassan Al-Basri: "Daripada siapa?" Jawab perempuan itu: "Daripada yang mengetahui di-sabalek kerlingan mata dan apa yang tersemat di-dada (Allah s.w.t.)".

### TERTAWAN

Al-Hassan Al-Basri tiada menjawab tetapi rupa-nya hati-nya telah tertawan kapada perempuan itu dan dia sa-macham tiada sabar lagi untok melakukan sesuatu yang burok ka-atas-nya, lalu terus juga di-ekori-nya perempuan itu. Perempuan itu berpaling lagi dan berkata: "Kenapa anda mengikuti saya?" Jawab Al-Hassan Al-Basri, "Sa-sunggoh-nya saya terpesona dengan kedua2 mata anda." Lalu perempuan itu menjawab pula: "Baik-lah, anda dudok-lah di-sini nanti akan saya hantarkan apa yang anda mahukan itu." Al-Hassan Al-Basri menyangka bahawa perempuan itu telah tertarek hati kapada-nya, lalu dia pun dudok dan menunggu. Kemudian datang-lah sa-orang sahaya perempuan membawa dulang yang di-tutop dengan sapu tangan, lalu di-buka oleh Al-Hassan Al-Basri. Alang-kah terperanjat-nya dia kerana di-dalam-nya "bahampaian" dua biji mata perempuan tadi. Sahaya perempuan itu lalu berkata kapada-nya: "Tuan saya berkata kapada anda: "Saya tiada berkehendakkan mata yang mempersona sa-seorang."

### MENYESAL

Al-Hassan Al-Basri lalu menggigil sambil memegang janggut-nya dan berkata kapada diri-nya sendiri: "Cheh! Alang-kah rendah-nya mertabat janggut ini daripada sa-orang perempuan. Dia pun menyesal dan dari saat itu mula-lah dia bertaubat serta kembali ka-rumah-nya dengan menangis sa-malam2an itu. Esok pagi-nya dia datangi rumah perempuan sa-malam untok memohon maaf di-atas perbuatan-nya yang tiada sopan itu. Apabila tiba di-sana di-dapati-nya pintu rumah itu tertutop dan sayup2 di-dengar-nya tangisan orang2 di-dalam-nya. Dia lalu bertanya tentang hal tersebut dan mendapat jawapan bahawa perempuan yang di-goda-nya itu telah kembali ka-rahmatullah. Dia pun pulang dan menangis sa-lama tiga hari.

### KORNIA ALLAH

Dan pada malam yang ketiga dia telah bermimpi dan melihat perempuan itu sedang dudok di-dalam shorga. Kata Al-Hassan Al-Basri: "Tolong maafkan saya." Jawab perempuan itu: "Saya telah maafkan anda kerana dengan sebab anda-lah saya telah mendapat kornia yang amat banyak daripada Allah." Kata Al-Hassan Al-Basri lagi: "Tolong-lah beri saya nasehat." Kata perempuan itu: "Andai-nya anda dalam keadaan sa-orang diri maka ingat-lah kapada Allah dan berzikir-lah kapada-Nya. Dan ketika pagi2 dan petang uchap-lah istighfar dan lakukan-lah taubat kapada-Nya." Al-Hassan Al-Basri terima pengajaran perempuan itu dan beramal dengan-nya yang mana akhir-nya dia terkenal sa-bagai sa-orang yang jihad dan taat serta mendapat darjat yang tinggi sa-hingga dia menjadi salah sa-orang daripada wali Allah.

### PEMUDA 'JAJAL'

Itu-lah peristewa yang telah berlaku ka-atas Al-Hassan Al-Basri yang pada mula-nya sa-orang pemuda yang "jajal" dan mata keranjang akhir-nya menerima pengajaran yang mengesankan dari sa-orang perempuan yang takut kapada Allah. Sa-orang perempuan yang menyesali diri-nya kerana bermata chantek yang mempesona dan tiada suka orang lain susah kerana-nya, lalu kedua mata itu di-korek dan di-serahkan kapada Al-Hassan Al-Basri yang telah terpesona kapada kedua2 mata itu. Hal ini telah memberi keinsafan yang mendalam kapada Al-Hassan Al-Basri dan pengajaran perempuan itu menyuroh-nya berzikir, beristighfar dan bertaubat selalu itu telah di-terima-nya dengan penoh kesedaran dan keyakinan yang mana akhir-nya dia telah menjadi sa-orang yang jihad.

### BERTAUBAT

Apa yang penting bagi kita ia-lah mengambil i'tibar dari cherita itu bahawa keinsafan terhadap apa jua perbuatan itu yang di-larang oleh Allah itu ada-lah perlu. Dan dari keinsafan itu akan bermula-lah langkah bertaubat dengan sa-benar2-nya dari segala dosa yang kita lakukan. Itu-lah langkah yang sa-baik2-nya bagi sa-tiap orang kerana sa-bagai manusia kita tiada sunyi dari melakukan dosa, baik yang besar mau pun yang kechil. Ketahui-lah oleh tuan2 bahawa Allah sentiasa menerima taubat daripada hamba2-Nya yang ikhlas dan Allah menyukai orang2 yang sentiasa bertaubat.

Puncha yang selalu banyak membawa kita membuat maksiat dan meninggalkan surohan2 Allah ia-lah lupakan Allah, pada hal Allah itu sentiasa melihat dan mengetahui sa-tiap perbuatan kita. Kerana itu ugama kita menyuroh kita supaya banyak2 mengingat Allah, selalu menyebut2 nama-Nya, selalu memohon ampun kapada-Nya, dan selalu pula bertaubat kapada Allah. Rasulullah s.a.w., sendiri yang sunyi daripada dosa bertaubat



tidak kurang sa-ratus kali sa-hari. Betapa-kah kita yang sentiasa di-kelilingi oleh dosa ini tidak berchontoh kapada Baginda.

# Dua orang lagi memelok ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi puak Iban baru2 ini telah memelok Ugama Islam dalam dua majlis peng-Islaman yang berasingan.

Silus anak Edward, 27 tahun kini di-kenali sa-bagai Mohd. Faizal bin Abdullah. Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-mana majlis itu di-langsongkan.

Sementara itu, dalam satu majlis yang berlangsong di-rumah Haji Metali bin Haji Sudin, No. 44, Kampong Pengkalan Batu, Ambrose Raya anak Luta, 32 tahun telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan tuan rumah tersebut dengan di-saksikan o!eh beberapa orang penduduk kampong. Ambrose Raya memileh nama Islam-ṅya sebagai Awang Ibrahim bin Abdullah.

# JANGAN CHAMPORI HAL ORANG LAIN

BAGI penganut2 Ugama Islam, sa-lain dari membuat atau melakukan perentah2 ugama dan menjauhi larangan-nya, ada lagi perkara lain yang harus di-patohi, kira-nya sa-seorang itu ingin menchapai darjat sa-bagai Muslim yang benar2 sempurna atau sejati. Islam bukan-lah sa-takat menguchapkan shahadat, mendirikan sembahyang, mengerjakan puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji; atau pun sa-takat mengenal Tuhan dengan segala sifat2-Nya yang wajib, yang mustahil dan yang harus, kemudian mempercha yai pada Malaikat-Nya, jumlah kitab2-Nya, para Rasul-Nya, hari kiamat yang di-janjikan-Nya di-mana di-kala itu akan di-perhitongkan segala kebaikan atau keburokan hamba2-Nya dan qada dan qadar-nya. Bukan sa-takat itu sahaja, te!api sa-balik-nya ada banyak lagi hal2 bagi penganut2 Ugama Islam harus mematohi-nya.

Di-antara perkara yang harus di-perhatikan o!eh penganut2 Islam, ia-lah akhlak Islam yang terpuji serta budi pekerti-nya yang luhor. Kerana akhlak dan budi pekerti itu tiada satu apa pun yang dapat menandingi-nya. Kerana itu dalam satu maksud firman Allah dalam Surat Al-Ahzab ayat 21 "*Bahawa sa-sunggoh-nya Rasulullah s.a.w., itu ada-lah chontoh tauladan bagi sekalian penganut2 Islam,*" ini dapat-lah di-maksudkan ia-itu akhlak-nya, segala budi pekerti-nya, segala gerak-geri-nya, segala amalan-nya dan segala perbuatan-nya: semua itu harus di-tauladani atau di-chontohi bagi kita kaum muslimin, kira-nya kita mahu di-jumlahkan ka-dalam golongan Muslim yang sempurna atau Muslim sejati.

### BUDI PEKERTI

Kerana itu dalam menentukan kedudokan akhlak dan budi pekerti ini, Rasulullah s.a.w., memberikan banyak peringatan atau tunjok ajar bagaimana sa-seorang itu menjadikan diri-nya sa-orang yang berakhlak dan berbudi pekerti yang murni, yang antara-nya Rasulullah s.a.w., menganjorkan supaya kaum Muslimin jangan menchampori perkara2 yang tidak kena mengena dengan diri-nya, atau pun yang tidak mendatangkan faedah sesuatu pun kapada diri-nya, sapertimana hadith Baginda Rasulullah s.a.w., yang di-riwayatkan o!eh At-Tarmizi dari Abu Hurairah r.a. bahawa telah bersabda Rasulullah s.a.w., yang kira2 maksud-nya: "*Ada-lah sa-baik2 Islam-nya sa-seorang itu ia-lah meninggalkan barang yang tiada berguna kapada-nya.*"

Daripada maksud hadith tersebut, nyata-lah ia-nya salah satu dari tauladan perjalanan Rasulullah s.a.w., yang mana Baginda Rasulullah s.a.w., berpesan agar kita umat Muslimin jangan melibatkan diri ka-dalam perkara2 yang tidak ada guna-nya atau tidak kena mengena dengan diri kita, supaya kita terselamat dari angkara yang mungkin timbul dari-nya. Mematohi pesanan Rasulullah s.a.w., itu ada-lah wajib bagi sa-tiap orang yang mengaku diri-nya Islam dan menghormati ajaran2 Islam, kerana sa-tiap pesanan dan arahan Rasulullah s.a.w., ada-lah suatu pelajaran bagi kaum Muslimin dan suatu petunjok yang membimbing kita ka-jalan yang terselamat; ia-itu jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t., dan Rasul-Nya.

Sa-lain dari itu, apa-kah guna-nya sa-seorang itu mengambil tahu kapada sesuatu yang tiada bersangkutan apa pun dengan diri-nya?, sedangkan perkara2 yang ada berkaitan dengan diri-nya sendiri maseh banyak lagi yang patut di-berikan perhatian kapada-nya, yang mana tentu sa-kali akan mendatangkan faedah bagi sa-seorang itu di-dunia dan akhirat kalau ia menyelesaikan masaalah atau urusan2 diri-nya sendiri. Sebab itu-lah Ugama Islam menchegah umat-nya dari menchampori hal2 yang tidak berhak pada diri-nya sa-seorang Islam itu, kerana dengan menchampori hal yang tidak kena mengena itu, neschaya akan menchetuskan berbagai fitnah dan bahaya di-samping meretakkan hubongan baik yang di-anjorkan oleh Ugama Islam yang maha suchi kapada seluroh penganut-nya.

Dari itu kita sa-bagai umat Islam harus-lah mengelokkan dan membaguskan keIslaman kita ia-itu dengan melakukan amalan yang sempurna dan niat yang suchi, menjauhi perkara yang tidak membawa kapada munafaat kapada diri sesuai dengan kehendak ugama serta mengerjakan perkara yang ada faedah-nya dan kebajikan-nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb September, 1981 hingga ka-hari Selasa 29hb September, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 25hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 26hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 27hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 28hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 29hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

# BELIA2 DI-SERU: HIDUPKAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN ORANG2 BRUNEI

TUTONG. — Awang Hj. Md. Salleh bin Hj. Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan, di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan menegaskan bahawa ada-lah menjadi tanggong-jawab kaum2 belia atau orang2 muda pada mengekalkan dan 'menyahan' teras kebudayaan dan kesenian bangsa Melayu yang di-warisi sejak zaman berzaman.



Awang Haji Md Salleh bin Haji Hidup.

Tugas pada menyahan kedua2 unsor tersebut ada-lah terletak di-bawah belia2 sendiri pada mengungkayahkan dan menghidupkan-nya kembali dari tenggelam oleh hampasan gelombang kemodenan yang kita tempohi sekarang, tambah Awang Haji Md. Salleh.

Menurut-nya, peranan sa-umpama itu, amat-lah penting di-mainkan oleh belia2 dari sekarang sabagai persiapan pada mengambil aleh tanggong-jawab itu dari tugas2 orang2 tua kita.

## TIDAK INGKAR

Beruchap sa-jurus sabelum merasmikan Pesta Tamu Ria yang telah di-adakan di-Pantai Seri Kenangan, di-sini pada hari Ahad, 13hb. September lepas, Awang Haji Md. Salleh mengingatkan supaya mereka tidak akan ingkar dan menyeleweng dari melengkapkan diri untok menyandang tanggong-jawab itu nanti.

Menyentoh mengenai peranan pantai, beliau menegaskan yang pada zaman dahulu pantai merupakan alat perhubongan sa-belum ada jalan raya dan juga tempat kehidupan orang2 Melayu untok menchari dan menambah rezeki yang halal saperti menangkap ikan dan tempat turun naik ka-laut.

Dari itu, beliau menshorkan supaya perbuatan2 yang menjolok mata serta janggal atau yang kurang manis di-pandang mata dan yang bertentangan dengan ajaran2 Islam tidak harus di-lakukan atau di-galakkan di-tempat itu.

Kerana tambah-nya, jika hal sa-umpama itu berlaku maka akan terkeluar-lah tujuan2 asal dari peranan pantai yang sebenarnya.

## MEMERIAHKAN

Terdahulu dari itu, Awang Haji Md. Salleh menjelaskan bahawa tujuan di-adakan pesta saumpama itu ia-lah samata2 untok memeriahkan perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Hj. Mohd. Yussof dalam uchapan alu2an-nya menjelaskan bahawa Pesta Tamu Ria itu sedikit sabanyak telah dapat membantu dan menggalakkan peniaga2 tempatan untok menjalankan perniagaan masing2.

Menurut-nya, bilangan pemohonan peniaga tempatan itu sangat-lah menggalakkan akan tetapi hanya penjual2 yang di-sahkan oleh doktor sahaja yang di-benarkan berjual di-kawasan pantai itu.

Langkah2 sa-umpama ini, tambah-nya bukan-lah bertujuan untok menyekat peniaga2 malahan ia-lah untok kepentingan bersama yang mana, sumbangan2 mereka pada menjayakan pesta itu sangat2-lah di-alu2kan.

## TRADISIONAL

Selaku pengerusi pesta tersebut, Penolong Pegawai Daerah itu menambahkata, dengan ada-nya pesta itu dapat-lah para ibu-bapa dan anak2 bersiar2 di-samping dapat melihat achara2 yang di-persembahkan.

Achara2 yang di-persembahkan di-pesta itu, kata-nya lagi, ada-lah kesemua-nya berchorak tradisional orang2 Melayu ia-itu saperti panchak silat, alai berantu, main gasing, mengibar rambat, lumba kerbau dan sa-bagai-nya.

Semua achara ini, tambah Pengiran Sallehuddin, ada-lah bertujuan semata-mata untok memberikan kesempatan kapada jenerasi2 muda untok menyaksikan sendiri tentang tradisi permainan orang2 Melayu yang sa-belum ini mereka tidak pernah menyaksikannya.

Di-antara yang hadhir dipesta itu termasok-lah bekas Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yussof, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Aziz bin Mohammad serta Pegawai2 Kanan Kerajaan dan jemputan khas yang lain.

# Pegawai2 DBP ikuti kursus di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tiga orang pegawai dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengikuti berbagai2 kursus di-bawah Sekim Latehan Dalam Perkhidmatan sa-lama tiga bulan di-Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Malaysia.

Kursus2 yang akan diikuti itu ada-lah dalam bentok Latehan Dalam Penempatan Sambil Bekerja di-Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut.

Pegawai2 tersebut ia-lah Awg Muhammad bin Haji Jambol, Pegawai Perkamusan akan mengikuti latehan khusus di-Chawangan Perkamusan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Awg Hanafiah bin Zaini Penolong Pegawai Istilah akan mengikuti latehan khusus di-Chawangan Peristilahan dan Pengiran Julaihi bin Pengiran Dato Paduka Othman, Pengelola Perkembangan Bahasa dan mengikuti latehan khusus di-Chawangan Penyelidekan dan Penerbitan Bahasa.

Ketiga2-nya pegawai tersebut akan bertolak ka-Kuala Lumpur pada hari Isnin, 28hb September ini.

# Ikuti kursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Sabli bin Haji Md. Yassin, saorang pegawai kanan dibahagian Kajimusoh Tumbohan, Jabatan Pertanian, telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untok mengikuti Kursus Antarabangsa Ketiga mengenai Penggunaan Perjenisan Serangga2 dan Hamama2 Mustahak dibidang Pertanian di-Commonwealth Institute of Entomology, London. Beliau akan berada di-sana selama lebeh kurang enam minggu.

Kursus tersebut bertujuan untok melateh para peserta dalam hal2 yang terbaharu dalam penjenisan serangga2 di-mana penekanan di-beri kapada pengenalan serangga2 dan hamama2 yang mustahak dalam bidang pertanian, termasok peratoran2 dan amalan2 untok menghapuskan-nya.



MENGUPAS nenas ada-lah satu achara yang di-pertandingkan untok kaum ibu di-temasha tersebut.

# 'Indong' jangan di-sakiti

PULAU BARU-BARU.— Sa-buah sharikat kerjasama yang memberi khidmat dengan membolehkan ahli2-nya berhutang kapada sharikat ada-lah di-ibaratkan sa-bagai 'indong' dan tidak patut di-sakiti dengan melengah-lengahkah pembayaran balek hutang2 tersebut pada tiap2 bulan.

Nasehat itu di-buat oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama kapada ahli2 Sharikat Kerjasama Nelayan Kampong Pulau Baru-Baru dalam Mashuarat Agong-nya kali ke-V pada hari Ahad 6hb. September lalu.

Awang Mahmud yang juga bertindak sa-bagai Pendaftar Sharikat2 Kerjasama dalam Laporan Odit Pendaftar-nya bagi tahun kewangan sharikat tersebut berakhir 28hb Februari, 1981 telah menchatetkan bahawa hutang ahli2 kapada sharikat berjumlah $21,020.65 daripada pinjaman sharikat kapada Lembaga Kemajuan Ekonomi yang masih berbaki sa-jumlah $19,990.00.

Sharikat telah dapat membayar balek pinjaman-nya kapada Lembaga Kemajuan Ekonomi menurut jadual yang telah di-tetapkan dan jika ahli2 taat membayar hutang mereka kapada sharikat dalam tempoh 34 bulan lagi pinjaman daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi itu akan dapat di-jelaskan.

## BAYAR BALEK

"Ada sa-bilangan kechil ahli yang terpaksa di-tageh baru-lah membayar. Sa-telah mendapat bantuan dari sharikat, mereka sering melupakan perjanjian membayar balek pinjaman itu pada tiap2 bulan," tegas Awang Mahmud.

Ahli2 saperti itu-lah di-nasehatkan oleh Pemangku Pesurohjaya supaya jangan menyakiti 'indong' yang telah memberi khidmat pinjaman wang untok membolehkan mereka membeli perkakas2 menangkap ikan saperti enjin dan andang.

"Sharikat mesti-lah menunaikan tanggongan-nya bagi menjelaskan hutang-nya kapada Lembaga Kemajuan Ekonomi, dan sebalek-nya ahli2 yang berhutang mesti-lah menunaikan tanggongan mereka kapada sharikat."

Pada tahun kewangan-nya berakhir 28hb. Februari, 1981 itu Sharikat Kerjasama Nelayan Kampong Baru-Baru telah membeli tangkapan ahli2-nya bernilai $111,494.45 ia-itu purata sa-tiap ahli telah menghasilkan tangkapan $226... sa-bulan. Sharikat telah dapat memasarkan tangkapan itu dengan jualan $127,912.15 ia-itu mendapat untong kasar $13,169.90.

Sa-telah di-tolak perbelanjaan pengurusan, sharikat telah memperolehi untong bersеh sa-jumlah $5,690.37 berbanding dengan $4,350... yang di-perolehi pada tahun 1980.

# Kenaikan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dengan sukachita Pemerentah Pasokan ma'alumkan kenaikan pangkat bagi sa-ramai empat orang Pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei baru2 ini.

Pegawai2 yang menerima kenaikan pangkat sa-bagai Pemangku Major ia-lah Kapten Mahmud bin Haji Yakub dan Kapten Abas bin Haji Bagol, kedua2-nya dari Battalion Pertama. Kapten Ahmad bin Yahya dari Battalion Kedua dan Kapten Abdul Rahman bin Matassan dari RHQ Kompeni.

Kenaikan pangkat bagi ke-empat2 pegawai tersebut bermula pada 3hb September 1981 lalu.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 23hb. hingga 30hb. Sept.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | MASA | | TARIKH | HA[RI] |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 23.9.1981 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 23.9.1981 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 23.9.1981 | Rabu | 11.00–12.00 | T/H |
| Sekolah Melayu Jerudong | 26.9.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 | ,, |
| Pusat Tahanan Jerudong | 26.9.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 26.9.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 | T/H |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 26.9.1981 | Sabtu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 26.9.1981 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 26.9.1981 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu, Mukim Serasa, Jalan Muara | 27.9.1981 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 27.9.1981 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 27.9.1981 | Ahad | 11.30–12.00 | T/Ha |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 28.9.1981 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 28.9.1981 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 30.9.1981 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 30.9.1981 | Rabu | 10.45–11.15 | |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 30.9.1981 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 23HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS
5.30 GODZILLA : Valley of the Giants
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY : I Heard It Through The Morknine
6.23 AZAN MAGHRIB
6.27 MORK AND MINDY — sambongan
6.35 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR : The Fast and the Furious — Bhg I
7.35 AZAN ISHA
7.39 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE : No. 3.
9.15 KNOT'S LANDING : "Bottom of the Bottle" — bahagian pertama
10.05 TAYANGAN GAMBAR : "A Breath of Scandal" Walau pun di-gelar "skandal" tetapi kesudahan-nya ada-lah menjadi kesukaan kapada semua yang berkenaan ! Pelakun2 : Sophia Loren, John Gavin, Maurice Chevalier, Angela Lansbury.
11.35 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 24HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DRAK PACK
6.23 AZAN MAGHRIB
6.27 DRAK PACK — sambongan
6.35 SPECTRUM : Metals

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "Escape from the Wedded Bliss"
7.35 AZAN ISHA
7.39 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
8.45 CHERAMAH : Kedudokan Perempuan dalam Islam
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 THREE'S COMPANY. "Chrissy Come Home"
10.10 RIKER — (Siri baru) — "Honky Tonk"
11.00 TRAPPER JOHN : "The Pagoda Cure"
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 25HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : "Trapped in the Tomb"
5.30 THE LONE RANGER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO : "Creatures from the Pit" Bhg 3.
6.23 AZAN MAGHRIB
6.27 DR WHO — sambongan
6.35 THE MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ALOHA PARADISE : "Catching Up"
7.35 AZAN ISHA
7.39 ALOHA PARADISE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 AN EXCEPTIONAL CHILD : Laurie Summers
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOW
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY : "In From the Cold"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 26HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.30 BEWITCHED : "Sarena's Richcraft" Darrin mendapati Sarena dalam kesusahan samada mempunyai "kuasa"-nya atau tidak.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : "A Matter of Principle"
7.33 AZAN ISHA
7.37 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA "Biangkrok Beruntong"
11.15 THE BIG VALLEY : Death Town.
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 27HB. SEPT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE : "The Silent Gift"
4.00 SUNSHINE : Father Nature
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SHAZAM — Siri baru.
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FLASH GORDON
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 CHILDREN'S SHORT STORIES : "Winter of The Witch"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS — Snow Job
7.33 AZAN ISHA
7.37 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE : Starting Up, Moving Off and Stopping
8.45 DAD'S ARMY
9.15 DRAMA DARI SBC : Gelombang Masa
10.00 LOVE IN A COLD CLIMATE : "Coming Out" Mengesahkan dua wanita chantek keturunan aristokat masing2 dari keluarga2 eksentrik — yang berlatar belakangkan kehidupan dalam tahun 20 dan 30an. Di-samping kemewahan dan kegembiraan dan pergolakan politik kehidupan juga di-selubongi oleh bayang2 peperangan.
11.50 THE ARMCHAIR THRILLER : "The Victim" Bhg. 5.
11.20 SIARAN TAMAT.



SA-BUAH siri baru akan di-mulakan pada hari Ahad ini. Siri yang berjodol Love In A Cold Climate itu akan di-tayangkan pada tiap hari Ahad jam 10.00 malam.

## ISNIN — 28HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL WORLD : "Our Changing Zoos"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : "Four O'Clock Army" — Bahagian pertama.
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART — Siri baru 'Murder, Murder On The Wall'
7.33 AZAN ISHA
7.37 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 DOK : HARI PERLEMBAGAAN
9.30 SKAGG — Siri baru 'Pilot'
10.20 SPECIAL CHILD
10.50 CLIFFHANGERS : "The Compliatron of West" Bh I
11.40 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 29HB. SEPT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.01 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
2.15 KING ARTHUR'S COURT (Animasi)
3.00 TAYANGAN FILEM INDONESIA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH — "Peanuts Bar B Q"
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH : "The Hunters and The Hunted"
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE : "What Happened to April" Sa-orang penari dalam ayer yang mashhor di-dapati mati dalam sungai.
7.33 AZAN ISHA
7.37 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 DRAMA : "Pertemuan"
9.45 TAYANGAN GAMBAR : "When Hell Was in Session" Di-padankan dari arkib kesah orang2 tawanan dalam peperangan Vietnam. Pelakun2 : Hal Holbrook, Eva Marie Saint, Ronny Cox.
11.15 BOGNOR
11.45 SIARAN TAMAT.

# SIARAN RADIO

MAD ada-lah sepatah perkataan Inggeris yang erti-nya GILA atau rosak otak atau otak tak 'centre'. Ada sa-buah majallah Inggeris yang popular di-kalangan anak2 muda berjodol MAD. Dan ini ada persamaan-nya dengan sa-buah majallah berbahasa Melayu berjodol GILA-GILA.

Dalam ruangan ini kita menyentoh MAD bukan sa-bagai SI-GILA tetapi singkatan nama yang di-ambil dari nama sa-orang peminat Radio dan TV Brunei yang sering mengirimkan keritik2 atau teguran2 atas segala kesalahan, kesilapan dan kekurangan Radio menurut pandangan-nya. Dan Awg MAD sudah bertahun membuat keritik demi keritik terhadap Radio. Ini-lah sa-orang peminat yang ta'at setia mengikuti siaran radio dan di-samping itu sanggup pula membuat teguran2 dari semasa ka-semasa hingga menjangkau ka-satu masa yang agak panjang. MAD melakukan semua ini dengan sukarela tanpa bayaran apa2 dari pehak RTB. Tidak saperti penulis2 skrip yang lain, tiap baris dapat bayaran.

Kami sunggoh2 terhutang budi kapada Awang MAD yang bersusah payah memberikan tenaga bersama untok memperbaiki ranchangan2 dan juruhebah2 radio itu. Sebenarnya surat2 uchapan terima kaseh telah kami kirimkan kapada Awang MAD sayang-nya surat2 itu melambung, atau melantul, tidak sampai, kerana alamat Awang MAD tidak pernah lengkap.

Teguran dan keritik Awang MAD banyak yang baik dan bernas. Tapi sayang-nya MAD tidak berani mempertanggongjawabkan keritik-nya itu kerana dia ragu2 memberikan alamat-nya yang sabenar, dan kerana itu ada-lah di-bimbangkan juga bahawa dia menggunakan nama samaran yang saya ringkaskan sa-bagai MAD itu. Jika MAD sendiri tidak mempertanggongjawabkan keritik-nya, bagaimana orang harus menerima sa-suatu yang tidak ada 'chop' tanggongjawab. Walau pun begitu kami menguchapkan berbanyak2 terima kaseh Awg MAD yang sunggoh2 berminat dalm jurusan keritik ini.

**Kami sentiasa menunggu dengan ikhlas keritik dari Awang MAD, kerana radio itu sendiri tidak dapat melihat kechachatan wajah-nya sendiri kechuali dengan pertolongan chermin dan satu-satu-nya chermin yang kami perolehi hanya-lah dari Awang MAD, semoga chermin itu bukan chermin GILA-GILA.**



**TAYANGAN gambar Inggeris pada malam ini berjodol BREATH OF SCANDAL. Antara yang membintangi filem ini ia-lah seniwati popular Sophia Loren, (No 2 dari kiri).**

## Kampong Terpuji

**RANCHANGAN Kampong Terpuji keluaran minggu ini akan meninjau serba sedikit tentang kemajuan yang terdapat di-Kampong Setia yang terletak di-Daerah Brunei-Muara. Anak buah kampong sentiasa tolong menolong atau lebeh di-kenali dengan muchang memuchang. Di-samping itu kaum ibu giat dengan usaha mereka dalam meninggikan lagi taraf kehidupan mereka. Ikuti-lah siaran-nya pada hari Ahad ini jam 2.00 petang.**

**Kelihatan dalam gambar bawah : Abdul Manap Adam menemu-ramah salah sa-orang pendudok Kampong Setia dalam usaha mereka dalam bidang anyaman.**

## intisari RTB minggu ini



## "Sa-makin Benchi Sa-makin Sayang" tajok sandiwara radio minggu ini

ALAM fantasi manusia dapat di-gambarkan melalui arena penulisan. Tidak kira bagaimana bentok mahu pun chorak-nya di-setiap hasil penulisan itu, namun motif-nya tetap sama ia-itu untok menggambarkan sa-suatu hal kehidupan manusia, manusia dan hubongan-nya dengan ketuhanan, manusia, dan hubongan-nya dengan alam sejagat, manusia dan hubongan-nya dengan kekeluargaan dan yang sa-umpama-nya.

Kini penulis Sandiwara Radio A. Mohammad Timbang dalam tajok sandiwara-nya SA-MAKIN BENCHI SA-MAKIN SAYANG menuliskan lagi ragam manusia dengan kehidupan-nya.

Kesah memileh jodoh sering menjadi pertentangan antara dua golongan, golongan tua mahu pun muda.

Si-ibu (Minah) yang memainkan peranan-nya untok menjodohkan anak-nya (Hayati) atas pilehan-nya sendiri, sedangkan pilehan si-ibu itu kurang mendapat persetujuan dari Hayati sendiri.

Namun demikian, atas desakan ibu-nya yang keterlaluan itu, Hayati tetap mengalah juga dan menurut kata hati ibu-nya sendiri. Di-mana Hayati akan di-jodohkan dengan sepupu-nya sendiri (BASRI).

Sa-telah Hayati di-kahwinkan-nya, sa-lepas malam-malam perkahwinan itu Hayati saperti orang yang tak sedar diri. Dia tidak mengenali siapa suami-nya. Perkara serupa ini berlaku ka-atas Hayati sa-hingga memakan masa berbulan2 lama-nya.

Walau pun Hayati di-ubati, namun ia belum semboh2 lagi sa-hinggakan Hayati di-bawa oleh suami-nya (Basri) pindah ka-rumah sendiri.

Apa-kah kesudahan cherita ini ? Untok mengetahui-nya kami persilakan awda peminat dan pendengar alam sandiwara mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 27hb September, 1981 jam 12.00 tengahari.



**GAMBAR menunjokkan, para pendokong watak dalam Sandiwara Radio, Semakin Benchi Semakin Sayang tulisan A. Mohammad Timbang. Kelihatan dudok dari kanan, Jauyah Haji Jaya sa-bagai Aini teman Hayati, Salmah Abdul Rahman sa-bagai Hayati, berdiri kanan, Awang Mokti Haji Raub sa-bagai Basri dan Dk Maskuin Pg Haji Ahmad sa-bagai Ibu manakala Dayang Sia Giuk Hong dan Awang Majid Haji Lamat jururakam yang mengawas sa panjang rakaman di-buat.**

## Ranchan

## ka-

RANCHANGAN p
Gambus tempat
nemui awda lagi pada
Jumaat jam 2.30 pe
changan yang di-siarka
gu sekali ini akan lag
pintu-nya untok kump
bus tempatan untok
abadikan bakat dan k
lam bidang permainan

Kapada kumpolan
yang ingin merakamka
mereka boleh-lah t

## BAHAGIAN
## AKAN
## MUZ

UNTOK memp
seni suara (n
Radio Brunei aka
'Bengkel Muzik d

Badan ini n
keritik yang memb
charagam dan nya
oleh perkhidmatan

Untok itu,
pada pemimpin2 p
dapat memberi su
ini untok sama2 be
persembahan yang
untok memasoki B
hiboran Bahagian

Di-bawah
Muzik dan Seni S

Nama Penoh : .....
Alamat Pejabat :
No. Tel. Rumah :.
Menyertai Kumpo
Pernah Menyanyi/
Pernah Menyertai
Alat2 Muzik Yang
2. ..........................
Potong perkataan2

Alamat kapada :
Penerbit Bengkel
Bahagian Melayu,
Tingkat Lima,
Radio Talivishen
Brunei.

Tarikh : .........

# MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

## PERSIAPAN2 BAGI MENGHADAPI KEMERDEKAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada menghadapi Kemerdekaan Brunei pada penghujong tahun 1983, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun mengambil langkah2 positif bagi persiapan kemerdekaan ia-itu terutama dalam bidang pentadbiran.

Di-bidang pentadbiran, langkah memberikan tanggong-jawab yang lebeh kapada pegawai2 tempatan yang berkelayakan dengan melantek mereka ka-jawatan2 yang penting dan bertanggong-jawab telah pun di-ambil dan akan di-teruskan.

### PERSIAPAN

Menyatakan demikian ketika beruchap memberikan taklimat kapada pendudok2 Kampong Mukim Tamoi dan Sungai Kedayan yang mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman saterus-nya menambah kata bahawa hal2 tersebut adalah suatu persiapan kemerdekaan yang penting di-samping beberapa langkah di-bidang yang lain.

Pada memberikan penjelasan kapada orang ramai, Ketua Pegawai Penerangan itu berkata bahawa negeri kita telah dapat menyelesaikan beberapa isue penting bagi sa-sebuah negara yang merdeka.

Mithal-nya, kata Awang Haji Badaruddin itu lagi, melalui Perlembagaan Negeri ini telah menetapkan mengenai ugama rasmi dan bahasa rasmi serta kita telah sedia mempunyai Undang2 Taraf Kebangsaan sejak tahun 1961.

Ketiga2 perkara ini, kata-nya, ada-lah penting yang mana bagi sa-tengah2 negara yang akan merdeka ada-lah sukar di-huraikan tetapi bagi kita semua-nya itu telah sekian lama di-selesaikan dengan bijaksana.

Siri taklimat yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan kali yang kelima itu adalah bertujuan untok memberi fahaman yang betul kapada orang ramai mengenai hal-ehwal negeri dan kerajaan.

Dan taklimat pada kali ini ia-lah memberi peluang kapada pendudok2 di-Mukim Kampong Tamoi dan Sungai Kedayan yang berjumlah saramai 30 orang untok mendengar cheramah2 daripada pegawai2 tinggi kerajaan pada mengetahui hal ehwal serta perkembangan sa-sebuah jabatan.

Antara yang memberikan cheramah di-majlis taklimat pada hari itu ia-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Hj Mohd Jaafar, Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob dan Pengiran Omarali bin Pengiran Idris, Pegawai Penchegah Kebakaran Kanan dari Jabatan Bomba.



BERGAMBAR ramai di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

## Penghulu2, Ketua2 Kampong di-ingatkan supaya bergiat dengan lebeh aktif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara ada-lah di-ingatkan supaya bergiat dengan lebeh aktif pada memperbaiki lagi hal ehwal anak2 kampong dalam kampong atau mukim masing2 pada mengujudkan satu masharakat kampong yang benar2 sejahtera, harmoni lagi aman damai.

Mereka juga di-ingatkan supaya berdamping rapat dan berunding serta berbinchang dengan anak2 kampong dalam membuat chadangan2 atau pada menyelesaikan satu2 masaalah yang berbangkit sabelum di-hadapkan kapada pehak berkenaan ia-itu Pejabat Daerah.

Demikian ingatan yang dibuat oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika beruchap memberikan cheramah kapada 30 orang pendudok2 Kampong Mukim Tamoi dan Sungai Kedayan yang mengikuti taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis yang lepas.

Kapada pendudok2 kampong pula, Pegawai Daerah itu mengharapkan supaya mereka akan dapat memberikan inisiatif dan kerjasama yang erat serta tunjok ajar kapada Penghulu2 dan Ketua2 kampong untok berunding dan bermuzakarah pada memperbaiki kampong masing2 dari semasa ka-semasa.

### BUAH FIKIRAN

Ini, kata Pegawai Daerah itu lagi, sudah menjadi hak dan tanggong-jawab kapada sa-tiap anak2 kampong terutama pegawai2 kerajaan yang mempunyai ilmu pengetahuan pada memberikan buah fikiran yang baik, pandangan2 yang berguna serta nasehat2 yang berfaedah kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

"Jadi-nya chadangan2 atau pandangan2 dari anak2 kampong ada-lah sangat2 di-alu2-kan asalkan saja semua itu boleh membawa kapada kemajuan kampong dan kalau ketua2 kampong itu lambat hendak membuat sa-suatu perundingan kita ajak dia berbuat demikian," jelas Dato Haji Abdullah.

Kerana, menurut Pegawai Daerah itu, hanya dengan kerjasama sa-umpama itu sahaja-lah matalamat kita pada memaju dan mengusai sa-sebuah kampong itu dapat di-chapai dengan jaya-nya.

"Maka saya penoh perchaya jika Penghulu2 dan Ketua2 Kampong serta anak2 kampong dapat bergerak dengan bersama-sama, Insha Allah semua kerja2 yang berat akan menjadi rengan ia-itu dalam erti kata kalau sa-suatu perkara itu tidak dapat di-selesaikan dalam waktu yang sengkat ia-nya boleh di-selesaikan di-masa2 akan datang," kata Pegawai Daerah itu dengan penoh harapan.

Untok itu, Dato Hj. Abdullah berharap kapada anak2 kampong supaya akan sentiasa menghormati Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang di-sifatkan sa-bagai penghubong dua hala di-antara kerajaan dengan orang ramai dan sandaran pada anak2 kampong untok meminta atau menyelesaikan satu2 masaalah yang di-hadapi.

Di-mana, kata-nya lagi, walau pun Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu tidak mempunyai kechergasan dalam mentadbirkan hal kampong, orang lain boleh memberikan pandangan dan mereka sendiri akan memutuskan-nya.

Menyentoh mengenai dengan pembenaan rumah2 di-sekitar kawasan kampong ayer, Pegawai Daerah itu menjelaskan bahawa sa-tiap anak2 kampong yang berhajat samada membuat rumah yang baru atau membesari hendak lah terlebeh dahulu memohonkan kebenaran kapada Ketua Kampong masing2 supaya dengan ini kata-nya tidak akan menimbulkan apa2 perbelahan sesama sendiri.

Menurut Pegawai Daerah itu lagi, masaalah pembenaan rumah ini-lah yang menjadi perbualan hangat pada waktu sekarang dan Pejabat Daerah, tambah-nya dalam menyelesaikan hal ini terpaksa memberi mandat atau kuasa kapada Ketua2 Kampong untok mengawasi sa-tiap pembuatan rumah di-kawasan2 kampong Ayer.

Terdahulu dalam cheramah-nya, Pegawai Daerah itu menjelaskan bahawa pada memberi kesenangan dan kemudahan untok pendudok2 kam-

Lihat muka 12

## Ranchangan perpindahan / perumahan
## LAMBAK KANAN DI-MULAKAN SA-BAGAI "PILOT SCHEME"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kawasan Lambak Kanan kini di-mulakan sa-bagai ranchangan permulaan atau 'pilot scheme' dalam Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara.

Kerja2 mengukor permukaan bumi bagi kawasan keutamaan 'A' telah di-mulakan awal tahun 1980 dan telah siap pada akhir tahun 1980. Sementara kerja2 mengukor permukaan bumi bagi keutamaan 'B' telah di-mulakan awal tahun 1981 dan telah siap pada minggu lalu.

Begitu juga kerja2 mengkaji sifat bumi di-kawasan tersebut juga di-mulakan pada awal tahun 1980 dan telah siap baru2 ini.

Demikian telah di-jelaskan oleh Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob semasa memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Tamoi dan Sungai Kedayan anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis lepas.

Awang Haji Othman berkata, kawasan perpindahan Lambak Kanan ini menampong sa-jumlah 20,000 orang pendudok ia-

Lihat muka 12



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Tamoi dan Sungai Kedayan.

## Kemudahan penchegahan kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengiran Omar bin Pengiran Idris, Pegawai Penchegah Kebakaran Kanan menjelaskan bahawa Pasokan Bomba pada menchegah dan memadamkan kebakaran di-sekitar Kampong Ayer kini telah mempunyai kelengkapan yang di-panggil sa-bagai 'Pelancharan Perahu' bertempat di-Balai Pusat Bomba di-ibu negeri.

Langkah ini di-ambil oleh Pasokan Bomba, kata-nya ada-lah semata-mata untok menambahkan lagi mutu perkhidmatan Pasokan Bomba di-samping menseimbangkan keadaan Kampong Ayer yang semakin pesat dengan bangunan2 rumah yang berdekatan.

Menurut-nya lagi, pelancharan sa-umpama ini di-gunakan khusus-nya bagi memadamkan kebakaran di-sepanjang kawasan mukim2 Sungai Kedayan, Tamoi dan Burong Pingai.

Menjelaskan ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh salah sa-orang peserta di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Khamis lepas, Pengiran Omar seterus-nya berkata dengan ada-nya pelancharan sa-umpama ini, perahu2 yang ada di-Balai Pusat akan dapat di-turunkan dengan serta merta bila2 berlaku sa-suatu kebakaran.

Menyentoh mengenai dengan penambahan ahli2 bomba di-Balai Bomba Sungai Lampai, Pengiran Omar menambah kata yang usaha2 tersebut kini dalam pertimbang-

Lihat muka 12

# KEBERANGKATAN KEBAWAH D.Y.M





Sa-telah mendengar taklimat yang di-sembahkan oleh Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah (gambar2 atas dan bawah) telah di-junjong berangkat melawat ka-beberapa bahagian jabatan tersebut.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-alu2kan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (gambar atas); Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

Gambar bawah pula kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendengar penerangan berhubong dengan tata-chara perbicharaan di-jalankan di-Mahkamah Shari'yah oleh Timbalan Kadhi Besar, Dato Paduka Setia Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak.



# KA-JABATAN HAL EHWAL UGAMA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah mendengar penerangan dari pegawai2 di-tiap2 Bahagian Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kiri : Baginda Yang Dipertuan di-junjong dan seterus-nya mengikuti penerangan2 dari Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

Atas : Baginda Yang Dipertuan mendengar penerangan dari Pengiran Haji Rosman mengenai dengan buku2 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Bawah kiri : Baginda Yang Dipertuan ketika berangkat ka-Bahagian Baitol Mal dan mendengar penerangan dari Awang Haji Kamaluddin bin Haji Momin.

Bawah : Baginda Yang Dipertuan mendengar penerangan mengenai dengan tugas2 yang di-jalankan di-Bahagian Kenadziran Sekolah2 Ugama, oleh Awang Haji Abdul Kadir bin Awang.





# KESEMUA BAKAL2 HAJI SELAMAT BERTOLAK

BERAKAS. — Semua bakal2 haji tahun ini telah selamat berangkat meninggalkan negeri ini dalam empat penerbangan. Tiga penerbangan yang membawa bakal2 haji itu telah bertolak pada minggu lalu dan hari Isnin lepas.

Penerbangan pertama yang bertolak pada 14hb minggu lalu telah membawa 400 orang bakal2 haji. Manakala penerbangan kedua yang bertolak pada 16hb pula membawa 396 orang bakal2 haji, sementara penerbangan ketiga yang bertolak pada hari Sabtu 19hb lepas telah membawa 398 orang bakal-bakal haji. Penerbangan ke-empat pula bertolak pada hari Isnin lepas, dengan 400 orang bakal2 haji.

Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumomkan kesemua bakal2 haji telah selamat sampai di-Jeddah dan sa-bahagian dari mereka kini sudah berada di-Medinah.

Sa-tiap kali penerbangan bakal2 haji, Lapangan Terbang Antarabangsa disini penoh sesak dengan orang ramai yang terdiri dari kaum kerabat, sanak saudara dan sahabat handai bakal2 haji untok menguchapkan selamat jalan.

Beberapa orang pembesar negeri juga turut berada di-Lapangan Terbang untok sama2 menguchapkan selamat jalan. Di-antara mereka termasok-lah Y.A.B. Pemangku Menteri Besar.

Dalam suasana kesebokan di-Lapangan Terbang Antarabangsa disini kerana keberangkatan jemaah bakal2 haji penerbangan kedua pada hari Rabu lepas, telah juga berlangsong satu upachara singkat bertempat di-Dewan Perpisahan Lapangan Terbang tersebut ia-itu penyampaian derma berjumlah $899.

Wang tersebut ada-lah baki hasil kutipan dalam kapal terbang dari 60 orang jemaah haji penerbangan pertama tahun lepas. Wang itu akan digunakan untok membeli kitab suchi Al-Kor'an untok di-wakafkan di-Masjid Nabi di-Madinah dan Masjidil Haram di-Mekah.

Derma tersebut telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Perhubongan Haji tahun lepas Haji Abd. Mokti bin Haji Mohd. Daud kapada Awang Haji Metusin bin Haji Baki, Ketua Pegawai Perhubongan Haji penerbangan kedua tahun ini dengan disaksikan oleh beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan dan Ahli2 Jemaah Penasehat Haji yang turut berada di-sana pada hari tersebut.



SA-BAHAGIAN dari bakal2 haji dalam rombongan kedua menaiki kapalterbang SIA yang di-sewa khas.

# Plan indok akan di-perchepatkan

Dari muka 9

itu dengan keluasan bagi keutamaan 'A' ia-lah 1,116 ekar dengan 1,700 plot dan keutamaan 'B' 970 ekar dengan 1,500 plot.

Kerja2 untok mengukor permukaan bumi dan mengkaji sifat bumi ini, tambahnya, telah di-usahakan oleh pehak swasta yang di-amanahkan oleh kerajaan melalui tawaran dan kerja2 tersebut diawasi oleh pehak kerajaan yang berkenaan.

Mengenai dengan menyediakan plan indok (Master plan) bagi kawasan itu, Timbalan Pengarah Perpindahan itu saterus-nya menjelaskan, bahawa kerajaan akan mengambil langkah yang tegas untok memperchepatkan-nya ia-itu dengan mempelawa beberapa buah sharikat Perunding untok menyediakan plan indok tersebut.

Menurut-nya lagi, pada menyediakan plan indok berkenaan ia-nya melibatkan pakar2 saperti ahli kemasharakatan, ahli peranchang, akitek2 dan jurutera2 berbidang disiplin dan mahir dalam kerja2 Ranchangan Perumahan.

Sa-belum sharikat2 Perunding di-pelawa, kertas2 kerja yang tertentu terpaksa disediakan bagi memenohi kehendak dasar dan matalamat kerajaan bagi kemudahan Sharikat2 Perunding untok meranchang Ranchangan Perpindahan/Perumahan bagi Lambak Kanan itu, tambah Awang Haji Othman. Dalam mengusahakan ranchangan ini, jelas Awang Haji Othman, hampir seluroh pejabat2 kerajaan telah bekerjasama pada memberikan pertolongan dan pandangan pada menyediakan yang mana perlu di-sediakan di-dalam Ranchangan Perpindahan Lambak Kanan ini.

Jabatan2 tersebut, jelas-nya ia-lah saperti Pejabat2 Setia Usaha Kerajaan, Peranchang Bandar dan Negara, Tanah, Kerja Raya, Ukor, Letrik, Talikom, Pelajaran, Perubatan dan kesihatan, Pasokan Pulis Diraja Brunei, Hal Ehwal Ugama, Radio dan Talivishen, Pos, Sharikat Kerjasama, Kenderaan Darat, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Lembaga Bandaran dan Pejabat Daerah.

"Dalam pada itu barangkali terbayang-lah kapada abiskita bahawa pada meranchang sasuatu Ranchangan Perpindahan itu bukan-nya sa-begitu mudah, malahan banyak menggunakan masa dan tenaga yang berkemahiran dan perlaksanaan yang tertaalok kapada tenaga dan keupayaan," kata-nya.

Timbalan Pengarah Perpindahan seterus-nya menjelaskan bahawa tujuan atau matalamat Kerajaan DYMM untok mengadakan Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara ini ia-lah semata-mata untok memberi peluang kapada raayat di-negeri ini untok menchapai serta mengujudkan taraf hidup yang lebeh tinggi, selesa dan aman damai.

Di-samping itu, tambah-nya lagi, ranchangan perpindahan juga di-hasratkan pada mengujudkan ketinggian kedaulatan Diraja serta kebangsaan Negeri Brunei Darussalam, mengujudkan kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmoran raayat serta pada mengujudkan kemantapan dan ketenteraman negara.

## Lawatan sentiasa di-alu2kan

Dari muka 9

an memandangkan yang pada masa ini jumlah ahli2 bomba di-seluroh negeri hanya berjumlah 300 orang.

Menurut beliau itu lagi, jumlah tersebut tidak menchukopi di-sebabkan ahli2 bomba sa-ramai itu dipechahkan pada ke-empat daerah di-negeri ini dan tiap2 daerah itu pula, tambah-nya mempunyai tiga atau empat buah Balai2 Bomba.

Terdahulu dalam cheramah-nya, beliau menggesa kapada pendudok2 kampong ayer supaya akan dapat meninjau dan melawat dengan lebeh dekat lagi tugas Pasokan Bomba dalam menjalankan dan chara2 menggunakan alat2 perkakas kebakaran di-Balai Pusat Pasokan Bomba.

Lawatan2 sa-umpama ini jelas-nya boleh di-lakukan oleh anak2 kampong ia-itu dengan persetujuan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong disetiap kampong dengan menulis surat kapada Pengawal Pasokan Bomba.

Ini, menurut-nya lagi, adalah perlu di-ambil perhatian oleh pendudok2 kampong pada menyiapkan anak2 kampong dengan teknik dan tektik pada menchegah sa-barang kebakaran yang berlaku supaya dengan itu nanti tidak akan terjadi apa yang beliau sifatkan kesalahan2 dalam memadamkan api kebakaran saperti kebakaran di-Kampong Sultan Lama baru2 ini.

## Kemudahan2 yang lebeh baik

Dari muka 9

pong Ayer, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Pejabat Daerah telah membena jambatan2 yang pada masa ini berjumlah sajauh 18 batu, empat buah balai-raya dan 68 buah jetti.

Di-mana, misal-nya tahun 1981 ini, kata Dato Paduka Haji Abdullah, sa-jauh 408,012 kaki jambatan2 telah dibena dan sa-banyak sembilan buah jetti (penaikan) telah dan sedang di-bena dengan memakan belanja $250,000.

Dalam tahun ini juga, jelas Pegawai Daerah itu, Pejabat Daerah telah melangkah kaarah memodenkan Kampong Ayer di-mana jambatan2 kayu kini di-tukar kapada batu dan projek ini sedang berjalan dengan lanchar di-Kampong Mukim Saba dengan dibena sendiri oleh anak2 kampong dengan perbelanjaannya di-tanggong oleh kerajaan.

Penukaran jambatan2 kayu ini, tambah-nya, akan di-perluaskan kapada mukim2 lain di-sekitar Kampong Ayer pada memberi kesenangan dan kemudahan yang lebeh baik lagi kapada pendudok2 Kampong Ayer.

# Penuntut2 tinjau kegiatan AMDB

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Sa-ramai 35 orang penuntut dan dua orang guru dari Maktab Anthony Abell Seria telah membuat lawatan sambil belajar ka-beberapa chawangan Askar Melayu Diraja Brunei dan Angkatan Laut di-Muara pada hari Selasa lepas.

Lawatan sambil belajar yang di-ketuai oleh dua orang guru itu ada-lah salah satu aktiviti2 maktab tersebut yang bertujuan untok mengetahui dan melihat lebeh dekat lagi mengenai kegiatan dan perkembangan kerjaya tentera di-sini.

Ketibaan rombongan tersebut telah di-alu2kan dengan satu taklimat mengenai dengan kegiatan2 dan perkembangan2 kerjaya tentera yang telah di-sampaikan oleh Leftenan Ya'akub bin Bolhassan.

Memulakan lawatan di-hari itu, rombongan tersebut telah di-bawa melawat Muzium Pasokan, chawangan Semboyan dan Bengkel Pasokan dengan di-temani oleh Leftenan Ya'akub dan Pegawai Warrant II Abdul Rajab pegawai dari perkhemahan tersebut.

Kemudian di-sebelah petang-nya, rombongan tersebut di-bawa menaiki pesawat Helikopter bagi meneruskan lawatan ka-Angkatan Laut yang berpengkalan di-Muara.

Ketika berada di-sana rombongan itu telah berpeluang menaiki kapal2 ronda kepunyaan angkatan tersebut ia itu SETRIA dan PEJUANG.

# Pepereksaan SPU bermula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei tahun ini telah bermula pada hari Khamis lepas dengan Ujian Lisan Bahasa Arab dan akan berakhir pada 7hb Oktober depan, demikian telah di-nyatakan oleh Lembaga Peperekşaan Pelajaran Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama baru2 ini.

Pepereksaan Sijil Pelajaran Ugama mula di-adakan di-Brunei pada tahun 1973 yang bertaraf sama dengan Pepereksaan Sijil Pelajaran Singapura Cambridge.

Pada tahun ini sa-ramai 37 orang penuntut dari kedua2 buah Sekolah Menengah Arab Lelaki dan Perempuan di-negeri ini telah mendudoki pepereksaan tersebut yang diadakan di-Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah di-Batu 1¼ Jalan Tutong.




WAKIL Majlis Belia2 Negeri Brunei yang menghadhiri perhimpunan belia antarabangsa di-Taiwan dalam bulan Ogos lalu, telah terpileh sa-bagai delegasi terbaik 1981.

Menurut wakil MBB yang menghadhiri perhimpunan itu, Awang Mohd Shah bin Haji Ahmad dan Awang Mustapha bin Haji Ahmad, pemilehan tersebut ada-lah berdasarkan kapada beberapa aspek, termasok tingkah laku, pergaulan dan penyertaan dalam berbagai aktiviti sa-panjang perhimpunan itu.

Perhimpunan yang di-adakan di-Taipei — ibu negeri Taiwan itu berlangsong salama dua minggu — bermula pada 17hb Ogos. Lebeh dari 2,000 perwakilan dari 30 buah negara bukan blok komunis telah menyertai perhimpunan tersebut.

Perhimpunan itu di-anjorkan oleh Persatuan Belia China dengan tujuan untok menyatu-padukan belia2 seluroh dunia dadi negada2 bukan blok komunis, terutama sekali untok memberi pemahaman yang lebeh dekat terhadap kebudayaan negara masing2.

Di-samping di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarek, perwakilan2 juga dibawa berkunjong ka-beberapa buah kementerian saperti Kementerian Pelajaran, Pertanian, Luar Negara dan mendengar taklimat dari pegawai di-kementerian itu.

**Gambar atas kelihatan perwakilan Brunei, Awang Mohd Shah dan Awang Mustapha bergambar ramai bersama2 delegasi Singapura sewaktu Pembukaan Rasmi Perhimpunan tersebut.**

# ...ersembahan ...bus ...semula

...ubongi Ketua Bahagian Hiboran ...tau pun Penerbit Ranchangan ...ersembahan Gambus, Bahagian ...elayu Radio Brunei.

Gambar menunjokkan salah sa-...uah kumpolan Gambus tempatan ...ari Bandar Seri Begawan, Gam-...us Senandong Budaya ketika ...embuat rakaman di-Studio A, ba-...u2 ini. Rakaman-nya telah pun ...i-siarkan pada 18hb September ...inggu lalu. Siaran ulangan-nya ...-lah pada 25hb September ini.



## ... RADIO BRUNEI ...HKAN BENGKEL ...ENI SUARA

...rsembahan pancharagam dan ...h ayer kita, Bahagian Melayu ...atu badan yang di-beri nama

...erbaiki dan mengeritik dengan ...isaikan lagi persembahan pan-...arkan sa-tiap hari dan minggu ...ayu Radio Brunei.

...yu Radio Brunei menyeru ka-...nyanyi2 tempatan supaya akan ...eterus-nya memasoki Bengkel ...an pendapat untok melahirkan ...a2 yang akan datang. Sharat2 ... berhubong dengan penerbit ...runei, Tingkat Lima.

... borang penyertaan Bengkel

.................. i/c No. ................

.............................................

...o. Tel. Pejabat :...................

...am : ........................................

... Menyanyi-Sejak Bila : ... ...

... Belum/Menyanyi di-Radio/TV

... : 1 ......................................

.............. 4. ..............................

...ehendaki.

...i Suara,

... T. Tangan : ......................

# RANCHANGAN TVP 28HB. SEPT. HINGGA 4HB. OKT.

## ISNIN — 28HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 22

Dalam ranchangan minggu ini murid2 akan di-bawa mengikuti lawatan Gani dan Jay Jay ka-Bilek Perpustakaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Di-Magic Pool murid2 akan di-ajar beberapa perkataan yang bermula de-ngan huruf 'V'.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6 (Letrik 3)

Ranchangan ini ada-lah ranchangan ketiga dari siri ranchangan Letrik. Dalam ranchangan ini murid2 akan belajar lebeh lanjut lagi mengenai letrik arus.

Letrik arus di-keluarkan oleh puncha tenaga. Salah satu puncha tenaga itu ia-lah janakuasa. Siapa-kah yang men-chipta janakuasa itu ? Bagaimana-kah arus letrik sampai ka-rumah ka-mu ? Apa-kah perkara2 yang tidak patut di-lakukan terhadap perkakas2 letrik ? Ikuti-lah ranchangan ini untok jawapan-nya.







10.30 KAP KAP UDANG 443.

Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti BOLA TUMBOK, PETI SURAT, SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 443.

## SELASA — 29HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 444.

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, AMIN, PA' LONG, HA-LAMAN MENYANYI dan CHER-MIN SAKTI.

## RABU — 30HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 22

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Letrik 3)

10.30 KAP KAP UDANG 445

Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 445.

## KHAMIS — 1HB OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 446

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, KAJIAN SA-MULA JADI, GAMBAR DARI RUMAH, MENYANYI DENGAN GAYA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UDANG 446.

## JUMAAT — 2HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG

Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti KETUA KESELAMA-TAN, PA' LONG, AMIN, HALA-MAN BELAJAR, BOLA TUMBOK, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

## SABTU — 3HB OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 447.

Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KE-RUSI, BERCHERITA dan CHER-MIN SAKTI.

Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah 'Si-Belang.'

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 447.

## AHAD — 4HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERLAKUN, KERJA TA-NGAN, SI-MANIS, MAIN BAKUL, PEKERJAAN SENDIRI dan CHER-MIN SAKTI.

Kerja Tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat sa-ekor arnab.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI :

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA :

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 23hb. Sept.

PAGI :
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar
T/HARI :
1.30 Persembahan-ku
PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Hari Ini (SU)
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang Anita Sarawak
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli
MALAM :
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 24hb. Sept.

PAGI :
8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai
T/HARI :
1.30 Chitra-wara
PETANG :
2.00 Ira Kenchana
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.
MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan lagu lama
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 25hb. Sept.

PAGI :
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Untok Belia
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.
TENGAH HARI :
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.
PETANG :
2.00 Majallah Radio
2.30 Persembahan Gambus
3.15 Paduan Suara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspa Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat
MALAM :
7.00 Lagu2 Rampaian
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Majallah ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 26hb. Sept.

PAGI :
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Kanak2
T/HARI :
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).
PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Apa Pendapat Awda
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Lagu2 Asli
MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara

### Hari Ahad 27hb. Sept.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Senandong Seloka
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran
T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gambus
1.00 Permintaan Sukaramai
PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.
MALAM :
7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 28hb. Sept.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai
T/HARI :
1.30 Senandong Seloka
PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.
MALAM :
7.00 Aneka Irama
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 29hb. Sept.

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Jenaka
11.00 Autograph Pendengar (SU)
11.30 Dunia Wanita
T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).
PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.
MALAM :
7.00 Persembahan ku
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING
### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.15 Music Talk : Alban Berg and his opera
Wozzeck by Mosco Carner
Vaughn Williams : Sinfonia Antarctica (Prelude)
Haydn : Cello Concerto in C
9.30 Selection of short piece including Copland : Saturday Night Waltz
Grieg : Gavotte Rholberg Suite
Tchaikovsky : Waltz (Swan Lake)
Ravel: Pavane (Mother Goose Suite)

### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time : Napoleon and Josephine "Intrigue"

### Saturday

P.M.
8.15 Melody Time
8.45 Frank Muir Goes Into : "Science"
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

### Tuesday

P.M.
8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 My Music (repeat)
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### PROGRAMME HIGHLIGHT

**34th Edinburgh International Festival**

LITERARY EVENT — on the Student Night this Sunday 27th September, 1981 programme 1 : Use And Abuse of English.

The Edinburgh International Festival provides an annual feast of music, drama, dance and spectacle for the citizens of Scotland's capital, and for her hundred thousand visitors from all over the world. But the 1981 Festival had even more. Restoring a precedent set 17 years before, the Festival decided to mount a Literary Event or Writers' Conference.

To all Students of Language and Literature tune in this Sunday at 8.30 pm to the first programme called "Use and Abuse of English" — a light hearted discussion between various experts about development in the English Language and public attitudes towards them.

### Sunday

A.M.
11.00 Sport For the Disabled Part 2
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Brunei's Top Ten
8.30 34th Edinburgh International Festival Literary Event Prog 1 : Use and Abuse of English.
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.



Awang Haji Badaruddin

### Bidang seni melibatkan kepentingan kebangsaan:

# ELAKAN PENGGUNAAN SENI YANG SA-LARAH2-NYA – K.P.P.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin menyampaikan Oskar Kejohanan kapada ketua pasokan hadhrah Maktab SOAS, yang telah berjaya menyandang johan dalam peraduan itu.

Oleh: Jahri Latif

JALAN MUARA. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin menegaskan keseragaman chita2 merupakan faktor penting dalam membentok pola atau 'trend' berfikir dan bertindak dalam melaksanakan kepentingan2 kebangsaan supaya ia-nya tidak sumbang dan songsang.

"Sebab ada-lah merugikan negara jika kita di-katakan menyedari kepentingan2 kebangsaan sedang dalam masa yang sama kita juga bersikap mengambil haluan sendiri2 dan 'memancholkan puchok' masing2," tegas-nya.

Beruchap merasmikan Peraduan Hadhrah Sekolah2 menengah dan Maktab2 seluroh negeri di-Dewan MMPSBS/Sekolah Sains pada hari Ahad lepas, beliau menekankan dalam bidang kesenian, menurut-nya kepentingan kebangsaan sentiasa terlibat. Oleh kerana itu, sa-tiap usaha yang di-buat hendak-lah di-padankan dengan kepentingan kebangsaan yang sa-benar.

"Sebab tanpa pemadanan itu masing2 orang dan pehak boleh saja mengeksploitasikan sa-tiap keadaan dengan bertopengkan kesenian pada hal di-dalam-nya terdapat unsor2 yang berlawanan dengan kepentingan kita dari segi ugama, moral dan sa-umpama-nya," tegas-nya lagi.

Kerana itu, Ketua Pegawai Penerangan mengingatkan pehak2 yang berwajib yang terlibat dalam kegiatan2 menghidupkan kesenian bangsa tidak di-kelirukan oleh kebanyakan bidang seni pada waktu sekarang yang selarah2-nya mahu melayani dan meladani selera umom sahingga melemahkan daya kreatif seni yang bernilai tinggi.

Hal ini dapat di-mithalkan dengan permainan hadhrah yang menjadi chabang kesenian kita, di-mana kalau kita tidak mengambil langkah2 awal menyelamatkan-nya ia-nya akan pupus di-telan zaman, tegas Ketua Pegawai Penerangan itu.

Beliau menyatakan 'hampir pupus' itu ia-lah kerana melihat fungsi besar-nya sebagai penyeri majlis2 saperti dalam majlis perkahwinan telah di-gantikan dengan petekan gitar ranchak serta laongan suara2 lagu pop.

Tetapi dengan ada-nya usaha2 Jabatan Pelajaran melalui Bahagian Latehan Kesenian mengatorkan kumpolan2 bagi mempelajari permainan hadhrah itu serta berupaya pula menganjorkan pertandingan2 bagi mem'promote'-kan-nya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. permainan hadhrah telah kembali kapada chorak-nya yang asli di-samping menempati fungsi-nya yang tradisional.

Dan, dalam masa yang sama, kata-nya, kejayaan sa-rupa juga di-chapai dalam bidang berdikir. Di-mana menurut-nya, ramai anak2 muda mempunyai kepandaian dalam bidang itu.

"Ini menandakan betapa kita orang2 Brunei sangat mudah kembali kapada unsor2 dan sifat2 tradisi bangsa sekali pun di-zaman yang 'menyenakkan 'telinga' dan 'memeningkan mata' saperti zaman kita sekarang," terang beliau selanjut-nya.

Tetapi beliau menegaskan lagi, kedua tradisi bangsa itu boleh saja pupus dan di-chemari dari segi chorak dan fungsi-nya kalau kita bersikap tak apa' terhadap perkembangan2 terbaru itu, atau di-sebabkan kita, kata-nya,terlalu 'simple' memudah2kan majlis dengan chara bersemberangan.

"Apa yang ternyata, meski pun pengaroh2 yang menchemari dan memupuskan itu hampir 'dominan'," terang-nya, "tetapi dengan ada-nya usaha yang sunggoh2 dan tepat oleh pehak2 berkenaan menghidupkan unsor2 tradisi yang bernilai tinggi saperti permainan hadhrah ini maka meyakinkan kita untok mengambil kesimpulan bahawa masharakat kita, bukanlah masharakat yang mudah dan sudi menyerah kalah mengorbankan kemurniaan nilai2 bangsa sa-mata2 kerana ada pengaroh dan unsor yang di-katakan bersifat 'dominan' terhadap kehidupan kita yang semakin moden dan sophisticated sekarang ini.

Sikap tidak sudi menyerah kalah ini-lah yang harus menjadi unsor terpenting kita, sa-bagai suatu bangsa yang merdeka, kata-nya. "Datok nenek kita di-Brunei terkenal dengan sikap ini dalam menerima orang2 luar — dari jauh dan dekat — ka-negeri ini, dan mendapat pengaroh2 asing pada zaman dahulu," terang Awang Haji Badaruddin.

Kerana tanpa sikap patriotik di-zaman itu, menurut-nya, tentu saja chorak dan wajah tanah ayer kita ini berserta isi di-dalam-nya tidak sa-indah chorak dan sa-manis wajah anak chuchu-nya ia-itu kita sekarang ini.

# Karya2 seni beridentitikan keBruneian patut di-pamerkan — Pmk. Pengarah DBP.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin menyampaikan hadiah kapada Awang Yusof bin Haji Md Zain, pemenang pertama dalam bahagian potret.

Oleh: Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Karya2 seni yang mencherminkan identiti bangsa dan kebudayaan Negeri Brunei baik sa-chara individu atau kumpolan patut-lah di-pamerkan di-dalam dan di-luar negeri yang di-uruskan atau di-atorkan baik sa-chara perseorangan mahu pun pehak2 tertentu harus-lah di-pesatkan.

Kerana karya2 sa-umpama itu sangat berkurangan di-dedahkan oleh para seniman tanah ayer kapada masharakat sa-tempat dan kekurangan ini juga amat sangat di-rasakan apabila kita ka-luar negeri kita tidak pernah terlihat karya2 yang di-pamerkan sa-chara individu atau kumpolan yang di-usahakan oleh seniman Brunei.

Demikian telah di-tegaskan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani ketika beruchap merasmikan Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan yang telah di-adakan di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Rabu lepas.

Sa-laras dengan itu juga, tambah-nya, kita sudah sepatut-nya mempunyai sa-buah Galeri Seni yang dapat menampong karya2 seni seniman Brunei di-samping sa-buah Akademi Seni yang akan mengasoh sa-chara total seniman2 muda tanah ayer.

"Saya penoh merasa positif bahawa langkah2 yang di-ungkayahkan oleh Bahagian Latehan Kesenian ini akan membuka jalan kapada pehak2 bernaan terutama Jabatan Pelajaran untok menimbangkan kemungkinan menubohkan sa-buah Akademi Seni yang akan dapat melahirkan para seniman Brunei yang berkelibar dan berpotensi untok menjadi seniman agong di-rantau ini," jelas-nya lagi.

Menurut-nya, masharakat sa-tempat, ia-itu pehak2 swasta saperti hotel2 tempatan boleh memainkan peranan penting dalam bidang ini dengan chara mempamerkan karya2 berkenaan di-hotel masing2.

Di-samping itu, kata-nya lagi, karya2 seni ini boleh di-pamerkan di-sabuah Galeri Seni yang khusus mengenai-nya atau paling kurang para seniman itu sendiri mengadakan Tamu Seni bagi membolehkan masharakat membeli karya2 seni mereka.

Kita kata-nya, tidak mungkin ketandusan dengan bahan2 objek untok di-abadikan di-dalam karya2 seni tanah ayer ia-itu saperti keindahan Kampong Ayer dengan para nelayan dan padian-nya, keheningan ayer mengalir di-chelah2 daun dan pepohon hijau di-kampong2 pendalaman dengan bukit bukau-nya yang redup dan sejok di-selimuti embun pagi, kehingaran mesin2 jentera di-padang minyak Seria, keriohan pedagang2 di-tamu dan penjual2 buah di-tepi jalan, keindahan pantai dengan pasir puteh melandai di-landa ombak yang menghempas lembut, kechantekan bunga2an dan burong2 tempatan, hampatan sawah padi yang menguning terbentang, keriangan kanak2 bermain gasing atau layang, kelembutan wajah nan ayu gadis tempatan dan juga keindahan tarian asli Brunei.

Pengiran Badaruddin menjelaskan semua ini, boleh menjadi objek2 yang menarek yang melambangkan identiti keBruneian yang di-saluti dengan unsor2 tradisional tempatan yang mana perkara sa-umpama ini, tambah-nya lagi, patut-lah ada di-dalam karya2 seni tanah ayer.

Lukisan2 batek yang memuatkan kalimah2 suchi, tambah-nya, merupakan objek yang dapat di-terokai oleh para seniman sa-bagai salah satu daripada usaha2 kita untok berdakwah kapada masharakat yang mana perkara ini kata-nya, amat perlu di-tonjolkan sa-laras dengan kedudokan Islam sa-bagai ugama rasmi negara.

"Jika seni di-anggap sa-bagai pelahiran perasaan dan penonjolan pemikiran para seniman ka-atas apa jua yang di-alami dan di-lihat-nya dalam kehidupan sa-hari2 saya yakin karya2 seni para seniman tanah ayer akan lebeh bertenaga dan sudah pasti lebeh banyak membawa erti terutama dalam memperbanyakkan khazanah perbendaharaan kebudayaan tanah ayer kerana seni2 saperti ini mempunyai nilai2 sejarah yang mempunyai keistemewaan dan keyunikkan-nya sendiri," jelas Pengiran Badaruddin.

Pameran yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-sertai oleh lebeh saramai 50 orang pelukis tanah ayer. Dan peraduan itu telah di-bahagikan kapada enam bahagian ia-itu bahagian potret, pemandangan, abstrik, archa, batek, alam semula jadi dan alam benda.

Dalam bahagian potret, tempat pertama di-menangi oleh Awang Yussof bin Haji Md. Zain dari Jabatan Radio dan Talivishen, kedua Awang Ismail bin Kadir dari Kampong Sungai Pandan dan ketiga Awang Jalil bin Haji Gadong dari Kampong Saba. Bahagian pemandangan tempat pertama di-sandang oleh Awang Zainal bin Hj. Daud dari Jabatan Muzium, kedua Haji Dayang bin Haji Mutalib dan ketiga Awang Yussof bin Haji Md. Zain kedua-nya dari Jabatan Radio dan Talivishen.

Sementara bahagian abstrik pemenang pertama ia-lah Awg. Wahab bin Abdullah dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara, kedua Ak. Timbang bin Pengiran Tuah dari daerah yang sama dan ketiga, Awang Zakaria bin Metussin dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Di-bahagian archa pula tempat pertama di-menangi oleh Sister Hilda Lim dari Pejabat Perubatan dan Kesihatan, kedua Awang Karim bin Haji Ahmad dari Jabatan Muzium dan ketiga Awang Dumit bin Haji Ahmad dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong. Manakala bahagian batek tempat pertama ia-lah Awang Zaini bin Yussof dan kedua Awang Wahid bin Puan, kedua-nya dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Dalam bahagian alam semula jadi hanya hadiah yang berupa sagu hati sahaja yang di-berikan. Tempat pertama sa-banyak $150, kedua $125, ketiga $100 dan sagu hati $50 tiap2 sa-orang.

Hadiah2 kapada pemenang peraduan juga telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani.

# LUMBA BASIKAL: PELUMBA2 S'WAK MEMENANGI DUA KEJUARAAN




BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan dari Negeri Sarawak telah berjaya memenangi dua kejuaraan dalam perlumbaan Lumba Basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan pada hari Ahad yang lepas.

Awang Peter Hoe yang memakai nombor 65 telah berjaya menyandang juara perseorangan dengan menchatetkan masa tiga jam 15 minit dan 4.5 saat dan juga telah berjaya memechahkan rekod lama tahun lalu yang juga di-chipta oleh pelumba dari Sarawak.

Dengan kemenangan ini juga, Awang Peter Hoe telah berjaya merebut hadiah yang di-sumbangkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

BERPASOKAN

Pasokan Sarawak 'A' yang terdiri dari Awang Peter Hoe, Awang Jordan Pang, Awang Hadhiri Hussaini dan Awang Teo Kiew Hock memenangi bahagian berpasokan dengan memungut 11 mata. Pasokan ini memenangi hadiah rebutan yang di-sumbangkan oleh Sharikat York Camera.

Naib johan dan tempat ketiga dalam bahagian perseorangan juga telah di-menangi oleh pelumba2 dari Sarawak yang terdiri dari Awang Jordan Pang dan Awang Chong Kiew Tek.

Sementara naib johan dalam berpasokan dimenangi oleh Pasokan Sarawak B dengan memungut 12 mata. Pelumba2-nya terdiri dari Awang Mumin bin Umar, Awang Chong Kiew Tek, Awang Mohd. Asmara dan Awg. Peter Ivory.

Dan pemenang ketiga pula jatoh kapada Pasokan Yong Tze Kiok General Construction dengan memungut 41 mata.

Dalam bahagian lelaki junior yang berumor 17 tahun kebawah. Tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Ramani bin Talip, kedua jatoh kapada Awang Md. Ramlee bin Abas dan ketiga ia-lah Awang Remas Wong.

Awang Ramani telah menerima hadiah rebutan yang di-hadiahkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amator Negeri Brunei.

LATEHAN

Awang Ibrahim Hamid, Ketua rombongan Sarawak ketika di-tanya menjelaskan bahawa kechemerlangan pelumba2-nya dalam perlumbaan tahun ini ada-lah di-sebabkan yang mereka telah mengadakan latehan intensif sabelum lagi perlumbaan dijalankan.

Di-samping latehan saumpama itu, kata-nya kejayaan ini dapat di-chapai memandangkan yang satiap pelumba2-nya mempunyai teknik2 dan taktik2 perlumbaan yang biasa di-lakukan oleh pelumba2 baik di-perengkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Mengulas tentang 'performance' pasokan Brunei, Awang Ibrahim menjelaskan, bahawa pelumba2 Brunei mempunyai pelumba2 yang berbakat dan berpotensi.

Perlumbaan tersebut dianjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun. Perlumbaan sajauh 74 batu itu di-taja oleh Chin Kian Industrial dan Commerical Company Limited.

Hadiah2 kapada pemenang di-akhir pertandingan telah di-sampaikan oleh Awang Lim Kian Chai, Pengarah Urusan Sharikat tersebut.



AWANG Lim Kian Chan menyampaikan hadiah rebutan kapada johan perseorangan, Awang Peter Hoe dari Sarawak.



SA-BAHAGIAN dari peserta yang menyertai perlumbaan basikal jarak jauh — dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan yang di-adakan pada 13hb September yang lalu.





KEDUA2 gambar ini menunjokkan perlawanan gasing pusingan awal yang di-adakan di-Kampong Pasai, Sengkurong. Perlawanan tahunan ini di-adakan bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun.

## J-kuasa Peraduan Silat dan Kuntau di-bubarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis pembubaran Jawatankuasa Peraduan Silat dan Kuntau Daerah Brunei dan Muara bersempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali ke-35 tahun telah berlangsong di-Dewan Bandaran di-ibu negeri di-sini pada hari Sabtu 12hb September yang lepas.

Majlis pada hari itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an dari Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar yang juga selaku pengerusi tertinggi bagi perayaan Hari Keputeraan DYMM tahun ini.

Dato Haji Abdullah telah menguchapkan berbanyak-banyak terima kaseh dan penghargaan kapada semua jawatankuasa yang telah terlibat pada memberikan kerjasama pada mengadakan dan mengungkayahkan peraduan itu.

Permainan sa-umpama itu di-masa2 akan datang perlu-lah di-teruskan perkembangan-nya dan gaya persembahan-nya juga perlu di-halusi dari semasa ka-semasa supaya tidak terkeluar dari seni yang asal, tambah beliau.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adanan bin Pehin Dato Panglima Haji Abu Bakar yang juga selaku Pengerusi Peraduan Silat dan Kuntau bagi Daerah Brunei dan Muara.

Sa-belum majlis pembubaran jawatankuasa itu di-jalankan kunchi kira2 telah di-bentangkan oleh setia usaha, Awang Jaafar bin Shamsuddin.

Sa-bagaimana yang difahamkan bahawa pemb baran ini di-lakukan ad lah bertujuan pada me berikan peluang kapa ahli2 yang baru di-mas akan datang untok m jayakan peraduan terseb

## Tayangan Perdana

BANDAR SERI BEG WAN. — Badan Keba an dan Kesokanan Peja Daerah Brunei dan Mu akan mengadakan taya an filem perdana yang b tajok "DIA IBU KU" b tempat di-Panggong B Pang di-ibu negeri di- pada hari Selasa 2 September, jam 9.30 lam.

Sa-orang juruchal dari badan tersebut ke di-tanya menjelaskan hawa tayangan itu di-a kan ada-lah bertujuan tok memperingati Ta Antarabangsa Ora Chachat di-Brunei.

Oleh yang demikian pada orang ramai y ingin hendak menyaksi tayangan tersebut bo lah mendapatkan tik yang berharga $20, $ $5.00 dan $3.00 di-Pe bat Daerah Brunei-Mu bila2 masa pejabat di-b ka atau di-Panggong Bo Pang semasa tayang filem tersebut.

## MMPSBS / Sekolah2 Sains johan kedua2 kumpolan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan sepaktakraw sekolah2 menengah dan persediaan Inggeris kerajaan bagi Daerah Brunei dan Muara telah di-adakan minggu lalu di-Dewan Pusat Belia di-sini.

Perlawanan anjoran Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani itu telah di-ambil bahagian oleh 16 buah pasokan yang terbahagi kapada kumpolan A dan B.

Johan bagi kumpolan A ia-lah MMPSBS/ Sekolah Sains dan naib johan disandang oleh Sekolah Menengah SMJA. Sementara bagi kumpolan B pula, MMPSBS/Sekolah Sains juga menyandang johan dan pasokan Maktab SOAS mendudoki tempat naib johan.

Johan dan naib johan kedua2 pasokan telah terpileh memasoki perlawanan perengkat akhir negeri yang akan di-adakan kemudian.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENOLONG PENGURUS PERNIAGAAN DI-RTB BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENOLONG PENGURUS PERNIAGAAN di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Harus-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan HND dalam bidang Business Studies.

Mereka yang berkelulusan saperti Sijil Tinggi Pelajaran 'A' Level juga di-galakan memohon.

Pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-bidang Penerbitan2 Penyiaran Ranchangan akan juga di-pertimbangkan. Mereka yang berkelulusan perniagaan dan juru perkiraan ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Keseluroban-nya membantu Pengurus Perdagangan dalam semua bidang perdagangan di-Jabatan Radio Talivishen. Kerja2 saperti membuat billing, memastikan kira2, menyusun dan mengkaji semua jadual iklan, merangka surat menyurat pelanggan di-luar dan dalam negeri dan sa-bagai-nya ada-lah tugas biasa. Pengalaman dalam semua bidang boleh di-dapati apabila mula berkhidmat tetapi mereka yang berkelulusan HND atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman dalam bidang2 yang tersebut di-atas ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

C. 3 EB. 4-5 — $1735-1795-1855-1915 - 1980 / EB / 2035-2095-2155 - 2215 - 2280-2335 - 2395-2455-2515-2580.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb September, 1981.

(E/1635/80—Bil: 154/1981)

## SA-BAGAI IMAM DI-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Imam di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Mengetahui dan bersedia menyempurnakan Fardhu Kipayah bila2 masa di-kehendaki.

**Tangga Gaji :**

D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Oktober, 1981.

(E/1658/77)
(Bil : 148/1981)

## Sa-bagai Tukang Pelan Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai TUKANG PELAN KANAN di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau intermediate R.I.B.A. atau lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan di-pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.

Mesti-lah boleh menyediakan pelan2 dan ukoran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches).

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Oktober, 1981.

(E/42/74 — Bil: 152/1981)

## SA-BAGAI PENGUASA TRAFIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PENGUASA TRAFIK di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman sa-bagai Penguasa Trafik Talikom, atau dalam jawatan yang sama, termasok-lah pengalaman dalam kerja2 meramalkan perkembangan pemasangan talipon dan tambahan bilangan panggilan talipon bagi tujuan2 peranchangan. Pengetahuan dalam kerja2 jualan dan perkhidmatan serta persediaan buku panduan talipon ada-lah sebaik2-nya di-perlukan.

**Tangga Gaji :**

B. 1 — B$1240-1285-1330-1375-1425 - 1474 - 1530-1580 - 1640 - 1700 - 1765-1830-1900 - 1970-2045-2120-2200-2280.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Oktober, 1981.

(E/842/78—Bil: 151/1981)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB 21/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb September, 1981 bagi :—

REPAIR AND REPAINTING TO RICE GODOWN No. 2, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 21/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for :—

REPAIR AND REPAINTING TO RICE GODOWN No. 2, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### NOTICE OF SALE

NOTICE is hereby given that a Public Auction Sale of Barang2 Kemas the property of Brunei Government will take place on 26th day of September, 1981 at Bilek Mahkamah Kuala Belait at 10.30 a.m.

District Officer,
Belait.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

**TENDER No. 55/1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

**TENDER No. 57/1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI."

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

**TENDER No. 58/1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Class 'A', 'B' and 'C' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981, for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR MOSQUE AT SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA

The tender documents must be placed in a plain sealed envelop addresed to the Tenders Board. The envelope to be marked :—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR MOSQUE SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

**COMBAT ENGINEERS' SQUADRON COMPLEX AT R.B.M.R. CAMP, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI**

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Building, Bandar Seri Begawan, Brunei P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday October 6, 1981 for the Construction and Completion of :

COMBAT ENGINEERS' SQUADRON COMPLEX AT R.B.M.R. CAMP, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tender documents can be examined at and obtained only from Wednesday, September 16, 1981 onwards during normal office hours from the office of the Architects :

SINGAPORE ASSOCIATE ARCHITECTS
UNIT 1 BLOCK E
1ST FLOOR
JEFRI BOLKIAH BUILDING
SERI COMPLEX
MILE 1½
JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI.

3. No tender drawings and documents will be issued after 4.30 pm on Thursday September 24, 1981.

4. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to :

4.1 produce documentary evidence of their P.W.D. registration status

4.2. produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $500,000.00) in accordance with the Conditions of Contracts.

5. The Tender Deposit required is $5,000.00 (Dollars Five Thousand Only) which is in the form of a bank draft and shall be made payable to the Architects. The deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition to the office of the Architects.

The Tender Deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architects' office before the closing date.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender provided and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.

7. Tenders are to be submitted and must reach the office of :

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

not later than 12.00 noon on Tuesday October 6, 1981. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## RE-TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 6th October 1981 for the Maintenance, Repairs, Alterations and Additions to Buildings and Civil Engineering Works under Term Contract at The Royal Brunei Malay Regiment Camps at :

| | |
|---|---|
| Tender A | Muara |
| Tender B | Bangar |

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be submitted in separate plain sealed envelopes without any indication on the cover of the identity of the tendering Contractor and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and marked :

TENDER A
TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE, REPAIRS, ALTERATIONS AND ADDITIONS TO BUILDINGS AND CIVIL ENGINEERING WORKS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT MUARA

TENDER B
TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE, REPAIRS, ALTERATIONS AND ADDITIONS TO BUILDINGS AND CIVIL ENGINEERING WORKS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT BANGAR

4. Tender documents may be inspected and obtained from the Quantity Surveyors :

Langdon Every and Seah,
408 Brunei Malay Teachers Building,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The tender deposit will be :

Tender A
$1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only)
Tender B
$ 500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only)

which will be refunded in full to each unsuccessful tenderer who submits a bona fide tender.

6. Before being provided with tender documents, tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'A' Contractors with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this Contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of :

| | |
|---|---|
| Tender A | $200,000.00 (Brunei Dollars Two Hundred Thousand Only) |
| Tender B | $ 50,000.00 (Brunei Dollars Fifty Thousand Only) |

7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.

8. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI NADZIR KHAS DI-JABATAN KENADZIRAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai NADZIR KHAS di-Jabatan Kenadziran, Brunei.

Satu kekosongan terdapat bagi tiap2 mata-pelajaran yang berikut : —

1. Bahasa Melayu dan Sastera Melayu;
2. Ilmu Hisab;
3. Sains;
4. Bahasa Inggeris dan Sastera Inggeris.

**Kelayakan2:** (minima)

1. Sarjana Muda Kepujian dalm bidang (mata-pelajaran) pengkhususan;
2. Diploma Pendidekan atau Sijil Pelajaran Post-Graduate.
3. Faseh bertutor dan menulis Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris tetapi keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang menguasai kedua2 bahasa tersebut.

**Pengalaman dan Kualiti2 Lain :**

1. Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman mengajar dan dalam pentadbiran sekolah;
2. Mempunyai kebolehan dan keyakinan untok menilai, menyelia dan menasehat para Guru dan Pengetua Sekolah hingga ka-perengkat Tingkatan VI.
3. Mempunyai sifat2 pemimpin dan berupaya memberi pertimbangan yang waras ka-atas prestasi para Guru dan Pengetua Sekolah.

**Tugas2 :**

1. Menilai, menyelia dan menasehat guru2 dan Pengetua2 atas kerja2 mereka hingga ka-perengkat Tingkatan VI;
2. Membantu dalam perlaksanaan kursus2 atau seminar2 dalam pengajaran mata2-pelajaran pengkhususan masing2.
3. Tugas2 lain yang di-arah oleh Pengarah Kenadziran.

**Latehan 2:**

Chalon2 hendak-lah bersedia menjalani latehan2 atau kursus lanjutan di-dalam atau di-luar negeri.

**Penempatan :**

Semua Nadzir2 Khas ditempatkan di-Ibu Pejabat Kenadziran, Bandar Seri Begawan, tetapi mereka mesti bersedia melawat dan bermalam di-semua daerah di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1975-2050 - 2125-2205-2285 - 2365 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175 - 3280 / E B / 3350-3445-3540-3640.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang FO/F2 dan borang GT atau GK Jabatan Kenadziran yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan sijil, surat2 akuan tidak lewat dari 5hb Oktober, 1981.

Mereka yang telah memohon jawatan ini mengikut yang telah lalu tidak perlu menghadapkan permohonan lagi.

(E/53/79 — Bil : 157/1981)

## TENDER NOTICE

1) TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on 6th October 1981 (Tuesday) for the : —

PROPOSED EXTENSION TO RADIO STATION FOR THE RBMR, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

2) Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

3) Tender documents may be inspected and obtained from the office of Jurutera Tempatan, Unit 7, Block F, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 17th September 1981 (Thursday) during normal office hours.

4) Tenders shall be submitted only on the Tender Form and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

5) The Tender Deposit of B$500.00 shall be in the form of Bank Draft made payable to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and on the return of tender documents and drawings in good condition.

6) Before being provided with tender documents, tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'A' Contractor with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of $100,000.00 (Brunei Dollars One Hundred Thousand).

7) The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI JURUTRENGKAS INGGERIS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTRENGKAS INGGERIS di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1) Mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Cambridge Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.
2) Boleh menchatet trengkas 80 p.s.m. dan menaip 40 p.s.m. Mereka di-kehendaki menjalani ujian kepantasan trengkas dan menaip.

**Tugas2 dan Tanggong-jawab:**

Kerja2 trengkas dan menaip yang di-arahkan oleh pegawai2 yang tertentu.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

**Sharat Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Oktober, 1981.

(E/261/54/2)

(Bil : 153/1981)

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS BERAKAS, BRUNEI

REGISTERED Class 'C' and above Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Installation to proposed alteration and additions to RBMR Officers Mess, Berakas, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th September, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th October, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR, OFFICERS' MESS, BERAKAS, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPT., BRUNEI TENDER NOTICE

### TENDER NOTICE 13/1981

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecommunication Department and have either the A, B or C Registration Class.

2. The said tenders are for excavation of trench, laying buried cables, single duct, erecting Distribution Poles and excavating jointing pits : Cabinet No. 4 north exchange area, Kampong Perpindahan.

3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 30th September. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

TENDERS ARE FOR EXCAVATION OF TRENCH LAYING CABLES, DUCT, FOR CABINET No. 4, NORTH EXCHANGE AREA KAMPONG PERPINDAHAN.

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details of the tender can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition together with the receipt of the deposit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the Tender Document.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 Tempatan ada-lah di-minta menghantarkan tawaran2 mereka kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan mengenai kerja2 yang berikut:—

i) Memagar kawasan Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas, Brunei.

2. Tawaran tersebut hendaklah di-hantarkan tidak lewat dari 5hb Oktober, 1981 hari Isnin jam 4.00 petang.

3. Tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

4. Keterangan2 lanjut mengenai perkara tersebut bolehlah di-dapati dari Pengawas Bangunan Jabatan ini Awang Idris bin Kahar pada bila2 masa waktu pejabat di-buka di-Bilek No. 102, Tingkat Bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. SES/160/81 CATEGORIES 3 & 7**

   Extension to Chemical Pump House at Water Treatment Plant.

2. **TENDER No. SES/171/81 CATEGORIES 1 & 7**

   Major repairs to M.E.R.S. building (N.I.A.)

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on 30th September, 1981 for the Supply of the following : —

(a) Supply 1 (One) Unit Three Wheel Road Roller.

(b) Supply 1 (One) Unit Land Rover Cruiser.

2. Specifications can be obtained from Brunei-Muara District Office, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than two months.

4. Tender must be place in sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked :
"DISTRICT OFFICE BRUNEI AND MUARA SUPPLY OF VEHICLE"

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.

6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 121 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF A PUBLIC TOILET AT BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 122 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—

SUPPLY OF PORTLAND CEMENT TO P.W.D., BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 123 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF PROPOSED TWO BLOCKS OF FURNITURE STORES AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 124 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for : —

PROPOSED RENOVATION AND ADDITIONS TO BRUNEI CURRENCY BOARD OFFICE AT STATE SECRETARIAT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 125 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF PRE-CAST REINFORCED CONCRETE KERBS, PRE CAST REINFORCED CONCRETE HAUNCHING AND PRE-CAST REINFORCED CONCRETE SLABS FOR FOOTPATH AT JALAN SUBOK KIANGGEH LINK, BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

### No. 126 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. DRAIN, SUMPS AND R.C. PIPE CULVERT AT JALAN STONEY/JALAN SUMBILING, JALAN BAHAGIA AND JALAN KUMBANG PASANG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

### No. 127 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for : —

PROPOSED EXTENSION OF KITCHEN FOR ARABIC SCHOOL (MALE) AT MILE 1½ JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

### No. 128 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for : —

RENOVATION TO EXISTING REGALIA HALL AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. KETUA JURURAWAT KESIHATAN SEKOLAH:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil2 S.R.N., S.C.M. dan H.V.C.

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan M.C.H. bahagian luar.

Pengalaman dalam kerja2 kesihatan ka-sekolah2 merupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Menjalankan, menyelia dan menyelaraskan kegiatan2 kesihatan ka-sekolah2 di-sesuatu daerah.

Bekerjasama dengan rapat dengan Pegawai Kesihatan.

**'Am**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KETUA JURURAWAT KESIHATAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Malaysia dan Singapura atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
b) Mesti-lah lulus dan mempunyai Sijil Pepereksaan Pelawat Kesihatan.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310--3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. JURU X-RAY :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dari College of Radiographers, United Kingdom dan Diploma in Medical Ultrasound of the United Kingdom atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Di-bawah 40 tahun.

**Tangga Gaji :**

M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Oktober, 1981.

(E/431/80 — Bil: 158/1981)

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT, BRUNEI

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Approved PWD Sewerage Contractors only up to 12.00 noon Tuesday 13th October 1981 for the

SOIL DRAINAGE FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 13th October 1981 will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "TENDER FOR SOIL DRAINAGE FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT."
4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Murray Ward dan Pakatan, Flat A4, Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of tender documents and drawings.
6. Tenders shall be submitted only on the tender-forms provided.
7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**THE SUPPLY AND LAYING OF CARPETS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN**

1. TENDERS together with priced Bill of Quantities will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the above noted works up to 12.00 noon on 10th November 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY AND LAYING' OF CARPETS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."
4. Drawing and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architecs and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 18th September 1981 during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on 30th September, 1981 for the Supply of the following : —

1 (one) **unit Automatic Woodworking machine**

2. Specifications can be obtained from Brunei-Muara District Office, Bandar Seri Begawan, Brunei.
3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than two months.
4. Tender must be place in sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked :

"DISTRICT OFFICE BRUNEI AND MUARA SUPPLY OF 1 (ONE) UNIT AUTOMATIC WOODWORKING MACHINE."

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.
6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of 112 units of steel water troughs to the Department of Agriculture livestock projects at Birau and Luahan. Details specifications could be obtained from the Agricultural Officer (Project) at Luahan Agricultural Station (Tel : 85-458).

Intending suppliers should state price per unit delivered to Birau/Luahan and time of delivery.

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "Department of Agriculture — Water Troughs — Confidential" to the Chairman of Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Thursday 8th October, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 20th October 1981 for the construction and completion of :

NEW ENGINEERING COMPLEX
SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL
KUALA BELAIT
BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers' letter, stating that in the event of the applicants' tender being successful, the said bank will provide a Security Bond in the amount not less than $100,000.00 and not less than 10% of the submitted tender for the duration of contract. This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.

3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects :

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei

from Friday 18th September 1981 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is B$1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.
6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

**TAWARAN MEMBEKALKAN SA-BUAH INJIN MOTOR SANGKUT 85 KUASA KUDA**

PEMBEKAL2 ada-lah di-pelawa untok membekalkan sa-buah injin Motor-Sangkut 85 Kuasa Kuda kapada Pejabat Daerah Brunei-Muara, Bandar Seri Begawan, Brunei dan segala surat tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan, Brunei tidak lewat dari 30hb September, 1981 jam 12.00 tengah hari.

2. Pembekal2 juga hendak-lah menyatakan butir2 saperti berikut : —

2.1. Jenis dan harga (termasok alat2 tambahan) C.I.F. Muara Port;
2.2. Kesanggupan berapa lama untok membekalkan-nya;
2.3. Tempoh jaminan sa-lepas membekalkan.

3. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul2 surat biasa yang bertutop. Nama di-muka sampul surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampul2 surat itu mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampul surat itu dan perkataan-nya mesti-lah:—

"TAWARAN MEMBEKALKAN SA-BUAH INJIN MOTOR SANGKUT 85 KUASA KUDA KA-PEJABAT DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI."

Tawaran2 yang di-terima dalam surat yang tidak di-alamatkan dengan betol akan di-tolak.

5. Kerajaan tidak akan terikat kapada sebarang tawaran yang paling murah atau saumpama-nya.

## Sa-bagai Juruteringkas Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai JURU-TRENGKAS MELAYU di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei,

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

1) Mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Cambridge Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu.
2) Boleh menchatet trengkas 80 p.s.m. dan menaip 40 p.s.m.
3) Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang trendah di-(1) tetapi mempunyai pengalaman2 yang luas dalam kerja2 trengkas dan menaip sekurang2-nya 3 tahun atau lebeh akan juga di-pertimbangkan.
4) Pengalaman2 bekerja dalam urusan2 'Sulit' akan di-sifatkan sa-bagai suatu kelebehan.
5) Chalon2 di-kehendaki menjalani ujian trengkas dan menaip.

**Tugas2 dan Tanggong-jawab :**

Kerja2 trengkas dan menaip yang di-arahkan oleh pegawai2 yang tertentu.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Oktober, 1981.

(E/446/59)
(Bil : 150/1981)

### TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS, BERAKAS, BRUNEI**

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed Alteration and Additions to RBMR Officers' Mess, Berakas, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th September, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th October, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS, BERAKAS, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**ARMY WORK PART I SERVICES VISITING COMPANIES ACCOMMODATION MEDICINA LINES, SERIA**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Bunei from PWD Registered Class "A" Contractors, for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 6th October 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes be marked clearly "ARMY WORK PART I SERVICES, VISITING COMPANIES ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, SERIA."
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 16th September 1981, during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 30th September 1981.
5. The Tender Deposit will be $1,000.00 and will be refundable to each unsuccessful tenderer, but forfeited by any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

The amount shall be in Bank Daft or cheque payable to the Government of Brunei.

6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to : —
   1) Produce documentary evidence that he is PWD Registered Class "A" Contractor.
   2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
   3) Produce a letter from his Bank (the said Bank being a well-known and stable Bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank would be willing to furnish him with a Banker's Guarantee in accordance with the conditions of contract, and should be 10% of the contract sum. This should be attached to the Tender Document.
7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# BUMIPUTERA DI-SERU TEROKA PERNIAGAAN YG LEBEH BESAR

SERIA.— Peniaga2 bumiputera di-gesa supaya meneroka bidang perniagaan yang lebeh besar lagi di-samping meningkatkan kerjasama dengan peniaga2 bukan bumiputera dalam usaha perniagaan mereka di-negeri ini.

Gesaan tersebut telah di-buat oleh Pemangku Pengarah Perjawatan, Awang Selamat Munap, dalam uchapan-nya dan seterus-nya merasmikan pelancharan PROMEGA JAYA di-Dewan SRC sini malam Rabu lepas.



Awang Selamat ketika ber-uchap di-majlis tersebut.

## SIKAP POSITIF

Kata-nya lagi, dengan ada-nya sikap positif oleh peniaga2 bumiputera terhadap motif keuntongan, sifat bertolak-ansor terhadap rakan, pelanggan dan patron mereka, maka peniaga2 bukan bumiputera tidak akan mendapati sukar untok menyahut sa-chara positif terhadap kemajuan peniaga2 bumiputera yang akan mendatangkan keuntongan kapada kedua2 belah pehak kelak.

"Usaha2 membangun negara dalam konteks kemerdekaan dalam tahun 1983 nampak-nya menghendaki kerjasama yang nyata di-antara peniaga2 bumiputera dengan peniaga2 bukan bumiputera yang lebeh daripada apa yang telah ujud sa-belum ini," jelas beliau.

## USAHA BSP

Menurut Awg. Selamat Munap, satu lagi perkembangan yang sangat2 di-alu2kan ia-lah keputusan yang telah di-buat oleh Sharikat Minyak Shell Brunei untok menyediakan khidmat nasihat untok peniaga2 tempatan dalam usaha sharikat itu untok menokok-tambah usaha2 Kerajaan Kebawah DYMM dan juga atas usaha peniaga2 bumiputera sendiri untok memupok dan menggalakkan para peniaga dan pengusaha bumiputera.

Beliau berharap supaya peniaga2 bumiputera akan merebut dan menggunakan sepenoh-nya bantuan yang di-sediakan oleh Sharikat Shell Brunei itu.

Terdahulu dari itu beliau menyatakan, sekarang ini penyertaan bumiputera dalam kegiatan2 perdagangan perlu di-tingkatkan lagi. Dan kemajuan mereka sa-bagai peniaga kechil2an, pemborong2, pemaju2 dan sa-bagai-nya, (sa-bagai ahli2 perniagaan yang 'viable'); akan bergantong sa-jauh mana mereka, boleh dan, di-beri peluang untok turut serta sa-chara aktif dalam bidang2 usaha yang tersebut.

## SA-CHARA AKTIF

Menurut-nya, untok membolehkan bumiputera turut sa-chara aktif dalam tindak-tandok ekonomi negara, mereka mesti-lah, sa-bagai ahli2 perniagaan, dapat mengembeling serta menguruskan faktor2 pengeluaran saperti modal, buroh dan teknoloji, dan seterus-nya di-sediakan pasaran yang sesuai mengikut kadar kegiatan mereka dari segi modal dan teknoloji.

Tambah beliau lagi, keadaan kemajuan yang agak tidak memuaskan di-kalangan peniaga2 bumiputera dalam bidang2 ekonomi dan perdagangan yang tertentu ada-lah di-sebabkan oleh keadaan mereka sendiri yang tidak dapat mengembeling faktor2 pengeluaran yang di-perlukan dan kesukaran yang mereka tempohi masok ka-dalam pasaran di-mana mereka dapat menawarkan barangan serta khidmat2 mereka.

## USAHA KERAJAAN

"Dalam tahun2 kebelakangan ini beberapa usaha telah di-buat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok mengurangkan kesukaran2 tersebut menerusi jabatan2 Kerajaan serta badan2 berkanun yang berkenaan," ujar beliau.

Beliau gembira melihat lebeh banyak lagi bumiputera telah tampil kehadapan untok mencheborkan diri bukan semata2 sa-bagai peniaga2 dan pemborong2 kechil, tetapi juga sa-bagai tokoh2 dan pemaju2 pembangunan serta tokoh2 perusahaan. Dan beliau juga mengalu2kan penubohan Sharikat Usaha-sama PROMEGA JAYA.

## PEMBETULAN

BERIKUT ia-lah beberapa pembetulan mengenai cheramah Awang Abas bin Haji Serudin dalam siri taklimat kapada penuntut2 Seberang Laut yang bertajok "Persahabatan Brunei-Britain ujud sejak 1847" yang siarkan dalam 'PELITA BRUNEI' keluaran 2hb September, 1981.

★ Para 1 hendak-lah di-bacha "Hubongan Persahabatan di-antara Brunei dengan Great Britain telah ujud dalam tahun 1847 di-mana perjanjian ini di-perbuat bagi membolehkan orang2 British membuat perdagangan dengan tidak ada halangan di-Negeri Brunei di-samping membolehkan kapal2 perang British untok memusnahkan lanun dan aktiviti2 hamba-abdi."

★ Tarikh yang sa-benar perjanjian antara Brunei — Britain 1959 ia-lah 29hb. September 1959, bukan-nya 9hb. September 1959 saperti yang di-nyatakan dalam para enam. Manakala tarikh pindaan Perjanjian Brunei — Britain pula ia-lah 23hb. Nobember, 1971, bukan-nya 23hb. Nobember, 1972 saperti yang di-nyatakan dalam para lapan.

★ Para 10 yang menyebutkan "Perlu juga di-ingat bahawa perjanjian tersebut telah juga meletakkan YTB Pehin Orang kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa di-lantek selaku Penasehat Umom Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan" hendak-lah di-bacha saperti berikut:

"Perlu juga di-ingat bahawa pada tahun 1971-lah juga YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa di-lantek menjadi Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan." — Pengarang.

## *Cheramah Sastera*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) akan menganjorkan satu cheramah sastera malam esok mulai jam 7.30 malam bertempat di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sa-orang penulis terkemuka dari Semenanjong Malaysia ia-itu Tuan Haji Kamaluddin bin Muhammad yang lebeh di-kenali dengan nama pena-nya Keris Mas yang kebetulan sedang berada di-Brunei ketika ini akan di-undang untok menyampaikan cheramah tersebut. Ahli2 ASTERAWANI, para penulis dan peminat sastera di-tanah ayer ada-lah di-jemput untok menghadiri-nya.

## PENANGKAPAN IKAN DGN. CHARA INI AKAN DI-BENARKAN SEMULA



PENANGKAPAN ikan dengan menggunakan tugu ini (saperti kelihatan gambar atas) memberikan hasil tangkapan yang memuaskan. Gambar ehsan Jabatan Muzium Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nelayan2 di-negeri ini telah menyambut baik langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang membenarkan semula penangkapan ikan dengan menggunakan 'tugu'.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dalam satu siaran bertarikh 17hb September mengumomkan keputusan Kerajaan untok membenarkan penangkapan ikan dengan menggunakan 'tugu' itu.

Ketika Kebawah Dul Yang Maha Mulia Paduk Seri Baginda Sultan da Yang Dipertuan Neger Brunei berangkat berche marduli ka-Mukim Sab pada 14hb September yan lalu, antara masaalah yang di-timbulkan ole pendudok2 Mukim terse but termasok-lah menge nai penangkapan ikan de ngan menggunakan 'tugu yang telah di-tegah meng gunakan-nya beberapa ta hun yang lalu.

Melalui sa-orang pen dudok yang menyembah kan perkara ini, pendu dok2 di-Mukim itu meng harapkan supaya penang kapan ikan dengan meng gunakan 'tugu' itu aka dapat di-hidupkan semula bukan saja kerana ia-ny merupakan chara yang la ma, tetapi juga hasil-ny yang memuaskan denga jenis2 ikan yang di-gemar ramai.

Berikut ia-lah kandonga siaran penoh yang di-keluar kan oleh Y.B. Pemangku Seti Usaha Kerajaan yang mem benarkan penggunaan 'tugu itu:

**"Dengan ini di-maalomkan kapada orang ramai bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ada-lah membenarkan bagi penangkapan ikan dengan menggunakan tugu. Nelayan2 yang berhasrat untok menangkap ikan dengan menggunakan tugu ini hendak-lah mengemukakan permohonan kapada Pengarah Perikanan bagi pertimbangan."**

## Sekolah St. Andrew juara Kuiz Keselamatan Jalanraya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Saint Andrew dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara dalam peraduan perengkat akhir Kuiz Keselamatan Jalan Raya antara sekolah2 menengah dan maktab2 yang telah berlangsong di-Dewan Raya RTB di-sini pada hari Sabtu lepas.

Di-pertandingan akhir itu, Sekolah St. Andrew telah mengalahkan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dengan memungut 17 mata berbanding dengan PWES yang mengutip 16½mata.

Pertandingan yang julong2 kali-nya di-adakan itu telah di-anjorkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya bertujuan untok memberikan serba sedikit ingatan kapada orang ramai terutama sekali pengguna2 jalan raya dalam usaha untok memberikan pendidekan mengenai dengan keselamatan jalan raya.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg. Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

Hadhir sama menyaksikan peraduan itu ia-lah Awang Haji Yunos bin Haji Hussien, Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar serta pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

## Pameran urusan rumah tangga

MUARA. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei (WI) chawangan Muara telah mengadakan satu pameran urusan rumah tangga bertempat di-Sekolah Melayu SOAS di-sini pada hari Ahad lepas.

Pameran yang di-adakan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun itu telah di-rasmikan oleh Isteri Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Datin Hajjah Naemah binte Haji Razali.

Berbagai-bagai jenis kerjatangan telah di-pamerkan termasok-lah anyaman, pertukangan, masak-masakan, gubahan bunga hidup dan bunga kertas serta gubahan buah2an.

## Majlis Do'a Keshukoran

BATU MARANG. — Satu majlis keshukoran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun telah di-adakan di-Masjid Kampong Batu Marang di-sini pada malam Khamis yang lepas.

Majlis yang di-anjorkan oleh pendudok2 kampong tersebut telah di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daera Brunei dan Muara, Awg. A akbar bin Abu Bakar.

Antara achara yang di-ad kan pada malam itu termaso lah bachaan Al-Kor'an d persembahan zikir dan ia-n telah di-akhiri dengan doa k shukoran yang telah di-bach kan oleh Imam Masjid it Pengiran Samad bin Peng Haji Bakar.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.